- Unit ini hendaklah dijauhkan daripada sumber haba seperti radiator atau dapur.
- Jangan jatuhkan.
- Jangan biarkan unit ini terdedah kepada getaran mekanikal atau kejutan.
- Matikan peranti di tempat-tempat yang memerlukan anda berbuat demikian oleh peraturan khas. Contohnya, jangan gunakan peranti di hospital kerana ia mungkin mengganggu peralatan hospital yang sensitif.
- Jangan kendalikan peranti dengan tangan yang basah semasa peranti sedang dicas. Tindakan ini boleh menyebabkan renjatan elektrik dan peranti mungkin akan rosak teruk.
- Jangan cas peranti berhampiran bahan yang mudah terbakar kerana peranti akan menjadi panas dan boleh menyebabkan bahaya kebakaran.

- Gunakan kain yang kering untuk membersihkan bahagian luar unit ini (jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair atau alkohol).
- Jangan cas peranti di atas perabot yang lembut.
- Peranti hendaklah dicas di kawasan yang baik pengudaraannya.
- Jangan dedahkan unit ini kepada asap atau habuk yang berlebihan.
- Jangan simpan peranti di sebelah kad kredit atau tiket pengangkutan; ia boleh menjejaskan maklumat pada jalur magnetik.
- Jangan ketik skrin dengan objek tajam kerana perbuatan ini boleh merosakkan peranti.
- Jangan dedahkan peranti kepada cecair atau kelembapan.
- Guna aksesori seperti fon telinga dengan berhati-hati. Jangan sentuh antena jika tidak diperlukan.
- Jangan gunakan, sentuh atau cuba untuk mengeluarkan atau membaiki kaca yang pecah, sumbing atau retak. Kerosakan pada paparan kaca kerana ia disiasikan dan disalahgunakan adalah tidak diliputi oleh waranti ini.
- Peranti anda ialah peranti elektronik yang menghasilkan haba ketika penggunaan biasa. Sentuhan langsung dengan kulit dalam tempoh yang berpanjangan dalam keadaan pengudaraan tidak mencukupi mungkin akan mengakibatkan ketidakselesaan atau melecur sedikit. Oleh itu, anda hendaklah berjaga-jaga semasa atau seurus selepas mengendalikan peranti anda.
- Jika peranti anda basah, tanggalkan plag dengan serta merta untuk mengeringkan ia sepenuhnya. Jangan cuba mempercepatkan proses mengering dengan sumber pemanasan luaran, seperti ketuhar, ketuhar gelombang mikro atau pengering rambut.
- Cecair dalam peranti basah anda mengubah warna label produk dalam peranti anda. Kerosakan pada peranti anda akibat pendedahan kepada cecair tidak diliputi oleh waranti anda.
- Peranti mudah alih memerlukan peredaran udara agar dapat menyingkirkan haba. Sentuhan kulit secara langsung dan peredaran aliran udara yang tidak mencukupi ke peranti boleh menyebabkan peranti menjadi terlalu panas. Jarak peranti mestilah sekurang-kurangnya 1.0 cm dari antara badan pengguna.
- Cegah habuk bendasing lain daripada memasuki port kabel Pengecas/USB. Ia boleh menyebabkan panas atau kebakaran.

Operasi peranti yang berkesan

Peranti elektronik

Semua peranti mungkin mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasi.

- Jangan gunakan peranti anda berhampiran kelengkapan perubatan tanpa meminta kebenaran. Sila rujuk doktor anda untuk menentukan jika operasi peranti anda mungkin mengganggu operasi peranti perubatan anda.
- Penghasil perentak jantung mengesyorkan agar anda meninggalkan ruang sekurang-kurangnya 15 cm di antara peranti lain dan perentak jantung untuk mengelakkan halangan dengan perentak jantung.
- Peranti ini mungkin memancarkan lampu terang atau berkelip.
- Sesetengah alat bantu pendengaran mungkin terganggu oleh peranti.
- Sedikit gangguan mungkin boleh menjejaskan TV, radio, PC, dsb.
- Jika boleh, guna peranti anda dalam suhu di antara 0 °C dan 35 °C. Mendedahkan peranti anda kepada suhu yang terlampau rendah atau tinggi akan mengakibatkan kerosakan, malfungsi atau letupan.

Keselamatan jalan

Semak undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan peranti di kawasan tempat anda memandu.

- Jangan gunakan peranti pegang tangan semasa memandu.
- Beri perhatian penuh kepada pemanduan anda.
- Pergi ke tepi jalan dan letak kereta sebelum membuat atau menjawab panggilan jika keadaan pemanduan memerlukan anda berbuat demikian.
- Tenaga RF mungkin menjejaskan sesetengah sistem elektronik di dalam kenderaan anda seperti stereo kereta dan kelengkapan keselamatan.
- Apabila kenderaan anda dilengkapi beg udara, jangan halangnya dengan kelengkapan wayarles yang dipasang atau yang mudah alih. Ia mungkin tidak berfungsi atau menyebabkan kecederaan serius disebabkan prestasi yang tidak betul.
- Jika anda mendengar muzik ketika bergerak dan berjalan, sila pastikan bahawa volumn berada pada paras yang berpatutan agar anda sedar akan keadaan di sekeliling anda. Ini khususnya amat penting jika anda berdekatan jalan raya.

Elakkan kerosakkan ke pendengaran anda



Untuk mencegah kerosakan pendengaran, jangan mendengar pada tahap volum yang tinggi untuk tempoh yang panjang.

Kerosakan kepada pendengaran anda boleh berlaku jika anda terdedah kepada bunyi yang kuat untuk tempoh yang lama. Kami dengan ini mengesyorkan agar anda tidak menghidupkan atau mematikan peranti mudah alih berhampiran dengan telinga anda. Kami juga mengesyorkan bahawa volum muzik dan panggilan ditetapkan pada paras yang berpatutan.

- Apabila menggunakan fon kepala, kurangkan volum jika anda tidak dapat mendengar orang yang bercakap berdekatan dengan anda atau jika orang yang duduk di sebelah anda dapat mendengar apa yang sedang anda dengar.



- Tekanan bunyi yang melampau dari fon telinga dan fon kepala boleh menyebabkan kehilangan pendengaran.

Bahagian Kaca

Sesetengah bahagian peranti mudah alih anda diperbuat daripada kaca. Kaca ini boleh pecah jika peranti mudah alih anda terjatuh di atas permukaan keras atau menerima hentakan yang besar. Jika kacanya pecah, jangan sentuh atau cuba untuk menanggalkannya. Berhenti menggunakan peranti mudah alih anda sehingga kaca tersebut diganti oleh penyedia perkhidmatan yang sah.

Kawasan letupan

Jangan gunakan peranti di tempat kerja peletupan sedang dijalankan. Patuhi sekatan dan ikut sebarang aturan dan peraturan.

Persekitaran boleh meletup

- Jangan gunakan peranti di tempat mengisi minyak.
- Jangan gunakan berhampiran bahan api atau bahan kimia.
- Jangan angkut atau simpan gas mudah terbakar, cecair atau bahan letupan di dalam ruang kenderaan yang sama anda meletakkan peranti dan aksesori.

Di dalam pesawat

Peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.

- Matikan peranti anda sebelum menaiki sebarang pesawat terbang.
- Jangan menggunakannya apabila mendarat tanpa izin anak kapal.

Kanak-kanak

Simpan peranti di tempat yang selamat dan jauh daripada kanak-kanak kecil. Ini termasuklah bahagian kecil yang boleh menyebabkan bahaya tercekik jika bahagian ini ditanggalkan.

Panggilan kecemasan

Panggilan kecemasan mungkin tidak tersedia pada semua rangkaian mudah alih. Oleh itu, anda tidak sepatutnya bergantung semata-mata kepada peranti anda untuk membuat panggilan kecemasan. Semak dengan pembekal khidmat tempatan anda.

Maklumat dan penjagaan bateri

- Anda tidak perlu menyahcas bateri sepenuhnya sebelum mengecasnya semula. Tidak seperti sistem bateri lain, tiada kesan memori yang boleh menjejaskan prestasi bateri.
- Gunakan hanya bateri dan pengecas LG. Pengecas LG direka bentuk untuk memaksimumkan hayat bateri.
- Jangan buka pemasangan atau litar pintaskan bateri.
- Pastikan sentuhan logam bateri bersih.
- Ganti bateri apabila ia tidak lagi memberi prestasi yang boleh diterima. Pek bateri mungkin dicas beratus kali sehingga ia perlu digantikan.
- Cas semula bateri jika ia tidak digunakan buat tempoh masa yang lama untuk memaksimumkan kebolegunaan.
- Jangan dedahkan pengecas bateri kepada cahaya matahari langsung atau gunakannya pada kelembapan yang tinggi, seperti di bilik air.
- Jangan biarkan peranti di tempat yang panas atau sejuk kerana ini mungkin menjejaskan prestasi bateri.
- Risiko letupan jika bateri diganti dengan jenis yang salah. Lupuskan bateri yang telah digunakan mengikut arahan.

- Tanggalkan plag pengecas dari soket dinding setiap kali selepas peranti dicas sepenuhnya untuk menjimatkan kuasa pengecas daripada penggunaan yang tidak perlu.
- Hayat sebenar bateri bergantung kepada konfigurasi rangkaian, tetapan produk, corak penggunaan, dan keadaan bateri dan persekitaran.
- Pastikan tiada item berbucu tajam seperti kuku atau gigi haiwan, bersentuhan dengan bateri. Ini akan menyebabkan kebakaran.

Mendapatkan maklumat peribadi

- Pastikan anda melindungi maklumat peribadi anda bagi mengelakkan kebocoran data atau salah guna maklumat sensitif.
- Sentiasa menyandar data penting ketika menggunakan peranti. LG tidak bertanggungjawab untuk sebarang kehilangan data.
- Pastikan anda menyandar kesemua data dan tetapkan semula peranti ketika membuang peranti bagi menghalang sebarang salah guna maklumat sensitif.
- Baca skrin kebenaran secara teliti ketika memuat turun aplikasi.
- Berjaga-jaga menggunakan aplikasi yang mempunyai akses kepada fungsi berbilang atau kepada maklumat peribadi anda.
- Semak akaun peribadi anda dengan kerap. Jika anda menemui sebarang tanda salah guna maklumat peribadi anda, minta pembekal perkhidmatan anda untuk memadam atau menukar maklumat akaun.
- Jika peranti anda hilang atau dicuri, ubah kata laluan akaun anda bagi melindungi maklumat peribadi anda.
- Jangan guna aplikasi daripada sumber tidak diketahui.



Notis untuk penggantian bateri

- Untuk keselamatan anda, jangan mengeluarkan bateri yang dimasukkan dalam produk. Jika anda hendak mengganti bateri, bawa ia ke pusat servis LG Electronics atau wakil penjual yang disahkan.
- Bateri Li-Ion ialah komponen berbahaya yang boleh menyebabkan kecederaan.
- Penggantian bateri oleh pakar yang tidak berkelayakan boleh menyebabkan kerosakan kepada peranti anda.



01


**Ciri rekaan
khusus**

Ciri-ciri rakaman video

Kamera sudut lebar

Anda boleh mengambil foto atau merakam video dengan julat yang lebih lebar daripada medan penglihatan sebenar anda menggunakan sudut lebar pada kamera belakang.

Ketik  > , kemudian ketik  /  untuk menukar antara standard dan sudut lebar.



Kamera belakang



- Lihat *Memulakan kamera* untuk butiran.
- Anda boleh menukar antara lensa kamera standard dan sudut lebar pada kamera belakang sahaja.

Google Lens

Anda boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut atau mengambil tindakan pada item sekitar anda menggunakan Google Lens, seperti mercu tanda, poster, menu restoran, haiwan, bunga, atau kod bar terus dalam peranti anda.

Contohnya, apabila anda menggunakan Google Lens pada:

- Kad perniagaan: Anda boleh menyimpan nombor telefon atau alamat pada kenalan.
- Buku: Anda boleh mendapatkan ulasan dan butiran lain mengenainya.
- Mercu tanda atau bangunan: Anda boleh mendapatkan butiran lebih lanjut mengenainya.
- Lukisan di muzium: Anda boleh mendapatkan butiran mengenainya.
- Tumbuhan atau haiwan: Anda boleh mengetahui lebih lanjut mengenainya.
- Risalah atau papan iklan acara: Anda boleh menambah acara itu pada kalendar anda.



- Google Lens tersedia hanya apabila peranti anda bersambung dengan Internet. Jika anda menggunakan data mudah alih, anda boleh dikenakan bayaran untuk penggunaan data, bergantung kepada pelan harga anda.
- Fungsi ini mungkin tidak disokong atau bahasa yang disokong mungkin berbeza bergantung pada kawasan perkhidmatan.


Guna Google Lens

- 1 Ketik  > **Google Lens**.
 - 2 Halakan kamera anda pada item.
 - 3 Untuk mendapatkan butiran atau mengambil tindakan:
 - Ketik item pada skrin anda.
 - Untuk pilih teks: Ketik satu perkataan, kemudian ketik semula dan seret titik biru.
- Ketik **Cakap**. Tanya soalan atau sebutkan arahan, seperti:
- Apakah ini?
 - Panggil ini
 - Tambah ini pada Google Keep

Potret

Anda boleh mengambil potret jelas dengan menggunakan kesan kabur lensa kamera.

- 1 Ketik  > , kemudian ketik **Potret**.
- 2 Ketik  untuk mengambil foto.
 - Untuk melaraskan kekuatan kabur, seret bar slaid ke kiri atau kanan.



- Pastikan jarak dengan subjek anda dalam 1.3 ~ 5.0 kaki apabila menggunakan kamera belakang.
- Ciri ini tidak tersedia sekiranya persekitaran terlalu gelap.
- Selepas menggunakan ciri ini, ketik kedudukan yang diinginkan pada skrin pratonton untuk menggunakan nilai dedahan secara automatik dan fokus semasa menggunakan kamera belakang, atau nilai dedahan hanya semasa menggunakan kamera hadapan.


AI CAM

Anda boleh mengambil gambar atau merakam video dengan berkesan kerana kamera mengenal pasti objek apabila menangkap gambar atau merakam video.


- 1 Ketik , kemudian ketik **AI CAM**.
- 2 Apabila objek dikenal pasti, kesan terbaik bagi babak tersebut digunakan.
 - Untuk menggunakan kesan lain, ketik ikon babak.
 - Potret, haiwan peliharaan, makanan, matahari terbit, matahari terbenam, pemandangan, pemandangan kota, bunga, bayi, langit, pantai dan lain-lain, sebanyak 19 kategori boleh dikenal pasti secara automatik.



Potret



Matahari Terbenam



Bunga





- Hasil pengesanan pemandangan mungkin berbeza bergantung pada pencahayaan atau lokasi subjek ketika mengambil foto. Kata kunci tidak muncul pada gambar atau video sebenar.
- Ciri ini tersedia hanya apabila kamera depan dan belakang dalam mod kamera Auto.

Cine Video

Anda boleh merakam video seperti filem.

- 1 Ketik  > , kemudian ketik **MOD > Cine Video** .
- 2 Ketik  bagi merakam video.
 -  : Rakam video dengan memilih ciri zum titik untuk zum masuk/ keluar di sekeliling kawasan yang dikehendaki.
 -  : Pilih kesan untuk diguna pakai kepada rakaman. Anda juga boleh melaraskan vignet dan kekuatan untuk setiap kesan Wayang. Ciri ini tidak boleh diubah selepas anda memulakan rakaman.




- Ciri zum Titik menyokong kelajuan zum sehingga 3x.
- Ciri ini hanya menyokong rakaman video di sudut standard.

Suntingan Lompat Kilat

Foto yang diambil secara selang sekata disimpan sebagai fail GIF.

- 1 Ketik  > , kemudian ketik **MOD > Suntingan Lompat Kilat** .
- 2 Ketik  untuk mengambil foto.
 - Foto diambil setiap 3 saat dan disimpan sebagai fail GIF.
 - Ketik  pada skrin untuk memilih bilangan foto yang anda mahu ambil.
 - Ketika mengambil gambar. Ketik  pada skrin untuk mencipta fail GIF dengan menggunakan foto yang diambil sebelum ini.



- Denyar akan dihidupkan secara automatik untuk bertindak sebagai pemasa.
- Syot yang diambil kali ini dan jumlah syot yang diambil dipaparkan di bawah skrin.
- Semua foto yang diambil disimpan sebagai fail GIF sahaja.
- Anda tidak boleh mengubah kelajuan GIF atau susunan imej.

Graphy

Anda boleh menggunakan nilai yang disyorkan untuk imbalan putih, ISO dan kelajuan pengatup seolah-olah dilakukan oleh pakar.

- 1 Ketik  > , kemudian ketik **MOD > Manual** ().
- 2 Ketik  dan kemudian ketik **Graphy foto**  untuk mengaktifkan cirinya.
- 3 Ketik  dan pilih pemandangan yang dikehendaki daripada imej yang disyorkan.
- 4 Ketik  untuk mengambil gambar.



- Ciri ini hanya tersedia dalam Mod kamera manual.
- Anda boleh menambah lebih banyak pemandangan dengan mengetik  dan memuat turun aplikasi Graphy dari Play Store. Anda mungkin dikenakan bayaran untuk penggunaan data, bergantung pada pelan penetapan harga anda.
- Ketik , kemudian ketik  daripada menu Graphy untuk menyahaktifkan ciri ini.

Rakaman yang stabil

Anda boleh menggunakan ciri Rakaman mantap bagi meminimumkan kabur pergerakan ketika merakam video.

Ketik  > , kemudian ketik  > **Rakaman stabil**.



- Lihat *Memulakan kamera* untuk butiran.
- Ciri ini hanya tersedia dalam mod tertentu.

Rakaman video Hi-Fi

Anda boleh merakam video berkualiti tinggi dengan bunyi Hi-Fi.

Ketik  > , kemudian ketik **MOD > Manual** () >  > **Hi-Fi**.



- Lihat *Memulakan kamera* untuk butiran.
- Video Hi-Fi hanya boleh dimainkan dalam aplikasi yang menyokong Hi-Fi.

Ciri-ciri galeri

Kandungan berkaitan

Anda boleh mengedit dan menyesuaikan kandungan yang berkaitan dalam Galeri.

- 1 Sambil melihat pratonton gambar, ketik .
- 2 Apabila ikon berkaitan dengan tarikh atau lokasi yang foto diambil muncul, sentuh skrin.



- Anda boleh melihat foto yang berkaitan dengan tarikh atau lokasi yang anda pilih.



- Ketik **:** untuk mengakses opsi tambahan.

Membuat GIF

Anda boleh mencipta fail GIF daripada Galeri.

- 1 Semasa melihat album, ketik **:** > **Cipta GIF**.
- 2 Pilih foto dan video yang dikehendaki untuk membuat fail GIF dan kemudian ketik **SELEPAS**.
 - Anda boleh menambah lebih banyak imej dan menyesuaikan kelajuan, nisbah skrin dan susunan fail GIF.
- 3 Ketik **SIMPAN**.



- Maksimum 100 imej boleh digunakan untuk membuat fail GIF.


Membuat kolaj

Anda boleh membuat kolaj daripada kandungan yang berkaitan.

- 1 Semasa melihat album, ketik **> Buat kolaj**.
- 2 Pilih imej yang dikehendaki untuk ditambahkan pada kolaj dan kemudian ketik **SELEPAS**.
 - Pilih susun atur yang dikehendaki dari bahagian bawah skrin.
- 3 Ketik **BUAT**.



- Maksimum 9 imej boleh digunakan untuk membuat kolaj.




Membuat video daripada kandungan yang berkaitan

Anda boleh mengumpul kandungan berkaitan untuk membuat klip video dengan mengetik **▶** pada video yang memaparkan tarikh atau lokasi.

Pilih muzik tema dan latar, laraskan kesan kapsyen dan pesan atau tambah tarikh dan tandatangan anda dan kemudian ketik **SIMPAN**.

- : Pilih tema video.
 - Untuk memuat turun tema, ketik **↓**.

- 🎵: Tambah muzik latar atau laraskan masa main semula.
 - Untuk memilih fail untuk muzik latar, ketik +.
 - Untuk memuat turun fail bagi muzik latar, ketik ↓.
 - Untuk melaraskan kelantangan muzik latar dan video asal, ketik ≡.
- A: Pilih muka taip fon.
 - Untuk memuat turun fon, ketik ↓.
- 🖼️: Tukar susunan fail untuk dimainkan sebagai video.
 - Untuk menambah fail, ketik +.



- Muat turun aplikasi VASSET dari Play Store untuk menambah tema, muzik latar atau muka taip fon.
Jika anda menggunakan data mudah alih tanpa sambungan Wi-Fi, anda mungkin dikenakan bayaran untuk penggunaan data.

Mencipta filem

Anda boleh mencipta filem baharu dengan meletakkan imej dan video bersama.

- 1 Ketik  >  > **Foto** tab, kemudian ketik  > **Cipta Filem**.
Anda juga boleh ketik  >  > **Main** tab, kemudian ketik **Cipta Filem**.
- 2 Pilih imej atau video untuk filem anda dan ketik **SELEPAS**.
- 3 Sunting imej dan video yang dipilih dan kemudian ketik **SIMPAN**.



Memadam fail

Anda boleh memilih imej atau video untuk dipadamkan dari video anda dengan mengetik  di sudut kanan atas lakaran kecilnya.

Menambah fail

Anda boleh memilih imej atau video untuk ditambahkan selepas mengetik  di bahagian bawah skrin. Anda juga boleh memilih imej atau video yang telah ditambah oleh anda sebelum ini.



- Sentuh dan tahan fail, kemudian ketik fail lain untuk pelbagai pilihan.

Menyusun semula fail

Untuk menyusun semula imej dan video, sentuh dan tahan fail yang hendak dipindahkan, kemudian seretnya ke lokasi yang dikehendaki.

Menambah kesan fail

Ketik  untuk menambah tema atau muzik latar, tukar fon.

Menetapkan semula sunting filem

Anda boleh menetapkan semula suntingan yang dibuat kepada filem (misalnya, masa main) dengan mengetik .

Pratonton fail

Periksa video baharu anda sebelum menyimpannya dengan mengetik . Selepas masa main semula berlalu, fail seterusnya dimainkan secara automatik.



- Maksimum 50 imej dan video boleh digunakan untuk membuat video.
- Masa main semula untuk imej ialah 3 saat secara lalai dan ia tidak boleh diubah. Video boleh dipendekkan sehingga minimum 1 saat.
- Ciri ini mungkin tidak menyokong sesetengah format imej atau video.

Membuat GIF

Anda boleh membuat fail GIF dengan mudah menggunakan video atau foto yang dirakam.

Membuat GIF menggunakan video yang dirakam

- 1 Di titik permulaan yang diinginkan semasa menonton video, ketik .
- 2 Pilih panjang GIF yang anda mahu cipta.
 - GIF dijanakan untuk masa yang dipilih dari masa semasa.
 - Untuk video yang kurang dari 5 saat, imej GIF dijana secara automatik untuk masa yang tinggal.

Membuat GIF menggunakan foto

- 1 Semasa melihat album, ketik  > **Cipta GIF**.
Anda juga boleh mengetik  pada **Main** pada tab Main dalam aplikasi Galeri.
- 2 Pilih foto yang dikehendaki untuk membuat fail GIF dan kemudian ketik **SELEPAS**.
 - Anda boleh menambah lebih banyak imej dan menyesuaikan kelajuan, nisbah skrin dan susunan fail GIF.



- Anda boleh menggunakan ciri ini sepenuhnya untuk tujuan kreatif. Penggunaan ciri ini melibatkan pelanggaran mana-mana hak individu lain, seperti pernyataan hak cipta atau fitnah atau menyinggung perasaan, mungkin tertakluk kepada liabiliti sivil, jenayah, atau pentadbiran dan/atau penalti di bawah undang-undang yang berkenaan. Anda tidak boleh menyalin, mengeluarkan, mengedarkan atau sebaliknya penggunaan yang menyalahi undang-undang mana-mana bahan berhak cipta tanpa kebenaran pemilik atau pemegang hak cipta yang sah. Setakat sepenuhnya yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, LG Electronics menafikan semua jaminan yang dinyatakan dan tersirat serta liabiliti yang berkaitan dengannya.
- Maksimum 100 imej boleh digunakan untuk membuat fail GIF.

Kualiti bunyi dan ciri-ciri kesan

DTS:X 3D Surround

Anda boleh memainkan lagu atau video dalam tiga dimensi, bunyi yang mendalam dan jelas. Untuk menggunakan ciri ini, sambungkan fon telinga, pembesar suara atau peranti audio luaran pada peranti anda.

Ketik  > **Tetapan** > **Bunyi** > **Kualiti bunyi dan kesan** > **DTS:X 3D Surround**, kemudian ketik  untuk mengaktifkan ciri ini.

Melaraskan arah bunyi

Anda boleh laraskan arah bunyi seperti dikehendaki.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Bunyi** > **Kualiti bunyi dan kesan** > **DTS:X 3D Surround**, kemudian ketik **...**.
- 2 Pilih arah bunyi.

Floating Bar


Gambaran Keseluruhan Floating Bar

Anda boleh mengaktifkan ciri-ciri yang sering digunakan, termasuk pintasan, syot layar, pemain muzik dan kenalan pantas, iaitu dengan menyentuh dan kemudian meleretkan Bar Terapung pada skrin.

Untuk mengaktifkan ciri Bar Terapung, ketik **O** > **Tetapan** > **Umum** > **Floating Bar** ☐.


Membuka dan menutup Bar Terapung

- Untuk membuka Bar Terapung: Ketik < atau >.
- Untuk menutup Bar Terapung: Ketik > atau <.



Memindahkan kedudukan Floating Bar

- **Bar terapung dibuka:** Sentuh dan tahan Bar Terapung, kemudian seretnya ke lokasi yang dikehendaki.
- **Bar terapung ditutup:** Sentuh dan tahan Bar Terapung, kemudian seretnya ke lokasi yang dikehendaki di sepanjang tepi skrin.



- Bar Terapung hanya boleh dipindahkan dalam kawasan antara Bar status dan Bar akses pantas. Lihat *Tataletak skrin utama* untuk butiran.

Melumpuhkan Floating Bar

Anda boleh melumpuhkan Bar Terapung dengan menggunakan satu daripada kaedah berikut:

- Sentuh dan tahan < atau > pada Bar Terapung dan kemudian seretnya ke kawasan memadam di bahagian atas skrin.
- Ketik < atau > pada Bar Terapung, kemudian ketik  >  di bahagian atas skrin.
- Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Floating Bar** .

Menetapkan Floating Bar

Anda boleh memilih kandungan untuk dipaparkan pada Bar Terapung dan menukar susunan paparannya. Ketik  dari Bar Terapung atau ketik  > **Tetapan > Umum > Floating Bar**.

- **Kedudukan:** Tetapkan kedudukan untuk Bar Terapung.
- **Jalan pintas:** Aplikasi atau ciri-ciri yang kerap menggunakan akses dengan pantas.
- **Skrin tangkap:** Tangkap skrin untuk memangkas bahagian yang dikehendaki atau untuk membuat fail GIF.

	Melancarkan Tangkap+ pada skrin yang dikehendaki.
	Melancarkan Tangkap lanjutan untuk menangkap skrin yang sedang ditatal.
	Tangkap bahagian skrin yang dikehendaki.
	Simpan skrin semasa sebagai fail GIF. Anda boleh melaraskan saiz imej yang anda mahu menangkap. • Untuk bergerak ke lokasi yang dikehendaki, seret . • Untuk mula merakam GIF, ketik . • Untuk henti merakam GIF, ketik .

- **Pemain muzik:** Mengawal muzik yang anda sedang dengar.
- **Kenalan cepat:** Hubungi atau mesej individu yang ditetapkan sebagai kenalan pantas.



- Maksimum 5 aplikasi atau ciri-ciri boleh ditambah kepada pintasan.
- Maksimum 5 orang kenalan boleh ditambah sebagai kenalan pantas.
- Anda boleh menggunakan ciri ini sepenuhnya untuk tujuan kreatif. Penggunaan ciri ini melibatkan pelanggaran mana-mana hak individu lain, seperti pernyataan hak cipta atau fitnah atau menyinggung perasaan, mungkin tertakluk kepada liabiliti sivil, jenayah, atau pentadbiran dan/atau penalti di bawah undang-undang yang berkenaan. Anda tidak boleh menyalin, mengeluarkan, mengedarkan atau sebaliknya penggunaan yang menyalahi undang-undang mana-mana bahan berhak cipta tanpa kebenaran pemilik atau pemegang hak cipta yang sah. Setakat sepenuhnya yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, LG Electronics menafikan semua jaminan yang dinyatakan dan tersirat serta liabiliti yang berkaitan dengannya.
- GIF boleh diwujudkan sehingga 15 saat.

Pembantu Google

Gambaran keseluruhan Pembantu Google

Anda boleh melancarkan atau menggunakan aplikasi yang dikehendaki dengan menggunakan suara anda.



- Pembantu Google tidak tersedia dalam bahasa dan negara tertentu.
- Untuk menggunakan ciri ini, pertama sekali sambungkan dengan rangkaian dan daftar masuk ke dalam Akaun Google anda.
- Fungsi ini mungkin tidak berfungsi dengan baik atau ketepatan pengecaman suara mungkin berkurangan di kawasan di mana kekuatan isyarat Wi-Fi atau rangkaian mudah alih lemah.

Melancarkan Pembantu Google

- 1 Tekan dan tahan  melalui skrin Utama untuk melancarkan **Pembantu Google**.
- 2 Ketik **MULAKAN**.
- 3 Ikut arahan pada skrin dan sebutkan **"Ok Google"**.
 - Peranti tersebut menyimpan suara anda untuk pengecaman.
- 4 Pilih sama ada menggunakan ciri membuka kunci pengecaman suara.
 - Setelah ciri ini diaktifkan, anda boleh membuka kunci skrin dengan menyebut **"Ok Google"** semasa skrin dimatikan atau dikunci.



- Ciri ini mungkin lebih terdedah kepada keselamatan daripada kunci skrin yang lain, seperti Kod Ketik, Corak, PIN, dan Kata Laluan. Apabila suara yang serupa atau suara anda yang direkod digunakan, skrin mungkin dibuka.
- Untuk menggunakan ciri ini, ketik  > **Tetapan > Umum > Skrin kunci & keselamatan > Pilih skrin kunci**, kemudian gunakan kaedah kunci skrin yang anda tetapkan untuk membuka kunci peranti. Ketik ciri membuka kunci pengecaman suara, dan seret , kemudian masukkan semula kaedah membuka kunci yang digunakan pada masa ini. Sila beri perhatian bahawa Leret tidak termasuk.
- Anda perlu membuka kunci peranti dengan menggunakan kaedah tertentu selepas gagal untuk membuka kunci peranti menggunakan pengecaman suara. Lihat *Menetapkan kunci skrin* untuk butiran.

5 Ketik **Simpan**.

Melancarkan Pembantu Google dengan suara anda

- 1 Sebut **“Ok Google”** ketika skrin dimatikan atau dikunci.
- 2 Sebutkan arahan atau soalan ketika **“Hai, apa yang boleh saya bantu?”** terpapar di skrin.

Melancarkan Pembantu Google melalui skrin Utama

- 1 Sentuh dan tahan  di skrin Utama.
- 2 Sebutkan arahan atau soalan ketika **“Hai, apa yang boleh saya bantu?”** terpapar di skrin.



- Ketepatan pengecaman suara mungkin berkurang jika anda bercakap dengan suara tidak jelas atau berada di tempat bising. Apabila anda menggunakan ciri pengecaman suara, tingkatkan ketepatan dengan bercakap menggunakan suara jelas di tempat yang sunyi.

Ciri-ciri rakaman audio

Perakam Audio HD membolehkan anda mengkonfigurasi tetapan audio secara manual supaya anda boleh merakam audio berdasarkan pada persekitaran anda.

Mod rakaman

Anda boleh merakam fail audio definisi tinggi dengan memilih dan mengkonfigurasi mod audio yang dikehendaki untuk disesuaikan dengan persekitaran rakaman.

Ketik  > **Penting** > **Perakam Audio HD** > 

Biasa

Anda boleh merakam audio tanpa tetapan tambahan.

Konsert

Anda boleh merakam audio dalam konsert atau acara muzik lain.

Kastam

Anda boleh mengkonfigurasi tetapan yang dikehendaki secara manual untuk merakam audio.

Mod Studio

Dengan mod Studio, anda boleh memainkan fail audio atau muzik dan merakam suara anda pada masa yang sama, mencipta kord dengan merakam suara anda beberapa kali, dan merakam komen anda tentang fail audio asal penyampai atau penuturnya.

- 1 Ketik  > **Penting** > **Perakam Audio HD** >  > **Kastam**.
- 2 Ketik .
- 3 Pilih fail audio untuk digunakan sebagai muzik latar.
- 4 Ketik  bagi merakam suara.
- 5 Ketik  bagi menyimpan fail yang dirakamkan.



- Muzik latar hanya boleh dimainkan menerusi fon telinga. Pastikan anda memasang fon telinga sebelum menggunakan ciri ini.

Ciri-ciri berguna lain untuk kegunaan aplikasi Perakam Audio HD

GAIN

Anda boleh melaraskan kepekaan bunyi yang dirakam oleh mikrofon. Lebih tinggi nilai GANDAAN ditetapkan, lebih peka bunyi yang dirakamkan.

LCF

Anda boleh menapis sebarang bunyi bernada rendah seperti dengung penyaman udara.

Lebih tinggi nilai LCF (Penapis Potongan Rendah) ditetapkan, lebih baik bunyi berfrekuensi tinggi ditapis.

LMT

Ini boleh menghalang pengklipan bunyi yang dirakam. Semakin tinggi nilai LMT (Pengehad) ditetapkan, semakin rendah frekuensi bunyi yang tidak akan diklipkan.



- Untuk menukar tetapan tambahan, ketik **> Tetapan**, kemudian sesuaikan jenis fail, kedalaman bit, kadar pensampelan dan tetapan lain.
- Apabila anda memilih mod daripada Konsert dan Tersuai,  muncul. Ketik  dan kemudian pilih mikrofon yang ingin digunakan.
- Anda boleh mengawasi kualiti bunyi dengan fon telinga yang bersambung ketika merakam audio. Semasa merakam audio dalam mod Studio, pemantauan bunyi tidak disokong. Anda boleh mendengar muzik latar sahaja.

Pengecaman cap jari

Gambaran keseluruhan pengecaman cap jari

Anda perlu mendaftar cap jari anda pada peranti terlebih dahulu sebelum menggunakan fungsi pengecaman cap jari.

Anda boleh menggunakan fungsi pengecaman cap jari dalam hal yang berikut:

- Untuk membuka kunci skrin.
- Untuk melihat kandungan yang terkunci dalam Galeri atau QuickMemo+.
- Sahkan pembelian dengan mendaftar masuk kepada aplikasi atau mengenal pasti diri anda dengan cap jari anda.



- Cap jari anda boleh digunakan oleh peranti untuk pengenalan pengguna. Cap jari yang sangat serupa daripada pengguna berbeza mungkin dicam oleh sensor cap jari sebagai cap jari yang sama.
- Jika peranti tidak dapat mengesan cap jari anda atau anda terlupa nilai yang dinyatakan untuk pendaftaran, kunjungi Pusat Khidmat Pelanggan LG terdekat dengan peranti dan kad ID anda.

Langkah keselamatan untuk pengecaman cap jari

Ketepatan pengecaman cap jari mungkin berkurang disebabkan oleh beberapa sebab. Untuk memaksimumkan ketepatan pengecaman, periksa yang berikut sebelum menggunakan peranti.

- Peranti tersebut mempunyai sensor cap jari. Pastikan sensor cap jari tidak dirosakkan dengan objek logam seperti syiling atau kunci.
- Apabila air, habuk atau bendasing lain berada pada sensor cap jari atau jari anda, pendaftaran cap jari atau pengecaman mungkin tidak berfungsi. Bersihkan dan keringkan jari anda sebelum membuat pengecaman cap jari.
- Cap jari mungkin tidak dicam dengan betul jika permukaan jari anda mempunyai parut atau tidak licin kerana terendam dalam air.
- Jika anda bengkokkan jari anda atau menggunakan hujung jari sahaja, cap jari anda mungkin tidak boleh dicam. Pastikan jari anda menutup keseluruhan permukaan kekunci sensor cap jari.
- Imbas hanya satu jari bagi setiap pendaftaran. Mengimbas lebih daripada satu jari boleh mempengaruhi pendaftaran dan pengecaman cap jari.
- Peranti mungkin menjana elektrik statik jika udara di sekeliling kering. Jika udara sekeliling kering, elakkan mengimbas cap jari atau menyentuh objek berlogam seperti duit syiling atau kunci sebelum mengimbas cap jari bagi membuang elektrik statik.

Mendaftar cap jari

Anda boleh mendaftar dan menyimpan cap jari anda pada peranti untuk menggunakan pengenalan cap jari.

1 Ketik > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Cap Jari**.




- Skrin kunci mesti ditetapkan untuk membolehkan ciri ini digunakan.
- Jika kunci skrin tidak aktif, konfigurasi skrin kunci dengan mengikut arahan pada skrin. Lihat *Menetapkan kunci skrin* untuk butiran.

2 Cari sensor cap jari di belakang peranti dan perlahan-lahan letakkan jari di atasnya untuk mendaftar cap jari tersebut.



- Tekan sensor cap jari dengan perlahan supaya sensor dapat mengenali cap jari anda.
- Pastikan hujung jari anda menutup keseluruhan permukaan bagi sensor cap jari.



- 3 Ikut arahan pada skrin.
 - Ulang pengimbasan cap jari dengan mengalihkan jari anda sedikit demi sedikit sehingga cap jari didaftarkan.
- 4 Apabila pendaftaran cap jari itu telah dilakukan, ketik **PILIH**.
 - Ketik **TAMBAH LAGI** untuk mendaftar cap jari lain. Jika anda mendaftar hanya satu cap jari dan jari yang sama tidak berada dalam keadaan yang baik, pengecaman cap jari mungkin tidak berjalan dengan baik. Sebagai langkah pencegahan terhadap situasi seperti ini, daftar beberapa cap jari.

Mengurus cap jari

Anda boleh mengedit atau memadam cap jari yang didaftarkan.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Cap Jari**.
- 2 Buka kunci mengikut kaedah kunci yang ditentukan.
- 3 Daripada senarai cap jari, ketik cap jari untuk menamakannya semula. Untuk memadamnya, ketik .

Buka kunci skrin menggunakan cap jari

Anda boleh membuka kunci skrin atau melihat kandungan yang dikunci dengan menggunakan cap jari anda. Aktifkan fungsi yang dikehendaki:

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Cap Jari**.
- 2 Buka kunci mengikut kaedah kunci yang ditentukan.
- 3 Pada skrin tetapan cap jari, aktifkan fungsi yang dikehendaki:
 - **Kunci skrin:** Buka kunci skrin menggunakan cap jari.
 - **Kunci kandungan:** Buka kunci kandungan menggunakan cap jari. Untuk melakukan ini, pastikan kunci kandungan ditetapkan.

Pengecaman Wajah

Gambaran keseluruhan Pengecaman Wajah

Anda boleh membuka kunci skrin dengan menggunakan data wajah yang disimpan.



- Ciri ini mungkin lebih terdedah kepada keselamatan daripada kunci skrin yang lain, seperti Kod Ketik, Corak, PIN, dan Kata Laluan.
- Apabila wajah yang sama atau foto wajah anda digunakan, skrin mungkin dibuka.
- Data wajah yang dikenal pasti disimpan dengan selamat dalam peranti anda.
- Apabila pengecaman wajah dipilih untuk kunci skrin, anda mesti memasukkan Kod ketuk, Corak, PIN atau Kata Laluan yang telah digunakan untuk pengecaman wajah tanpa secara langsung menggunakan pengecaman wajah selepas kuasa dihidupkan. Sewajarnya, berhati-hati untuk tidak lupa nilai yang dinyatakan.
- Jika peranti tidak boleh mengesan wajah anda, atau terlupa nilai yang dinyatakan untuk pendaftaran, lawati Pusat Perkhidmatan Pelanggan LG bersama peranti dan kad ID anda.
- Untuk menjimatkan kuasa, ciri Pengecaman Wajah tidak akan berfungsi apabila paras bateri berada di bawah 5%.

Langkah berjaga-jaga untuk Pengecaman Wajah

Ketepatan Pengecaman Wajah boleh menjadi kurang dalam kes berikut. Untuk meningkatkan ketepatan pengecaman, periksa yang berikut sebelum menggunakan peranti.

- Apabila wajah anda ditutup dengan topi, kaca mata, atau topeng, atau muka anda berbeza dengan ketara disebabkan oleh solekan berat atau janggut.
- Apabila terdapat cap jari atau bahan asing pada hadapan lensa kamera, atau peranti anda tidak boleh mengesan wajah anda kerana cahaya lampu terlalu terang atau gelap.

Mendaftar data wajah

Sebelum menggunakan ciri Pengecaman Wajah, daftar data wajah anda pada peranti anda.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Pengecaman Muka**.



- Untuk menggunakan ciri ini, kunci skrin mesti ditetapkan dengan Kod Ketik, Corak, PIN, atau Kata Laluan.
- Apabila kunci skrin tidak ditetapkan, daftarkan data dengan mengikut arahan pada skrin. Lihat *Menetapkan kunci skrin* untuk butiran.

- 2 Ketik **BERIKUT** dan buka kunci peranti mengikut kaedah tertentu.
- 3 Ketik **MULA** dan angkat peranti anda ke aras mata anda.
- 4 Daftar wajah anda dengan mengikuti arahan pada skrin.
 - Daftar wajah anda di dalam bilik yang bercahaya tidak terlalu terang atau gelap.
 - Letakkan keseluruhan wajah anda di dalam garis panduan pada skrin, dan kemudian laraskan peranti dengan bergerak secara perlahan ke atas, bawah, kiri atau kanan.
 - Kekalkan kedudukan ketika mendaftar wajah anda. Anda boleh menambah baik kadar pengecaman dengan mengambil foto yang mantap beberapa kali.
- 5 Apabila pendaftaran wajah telah dilakukan, ketik **OK**.

Buka kunci skrin menggunakan wajah anda

Anda boleh melepaskan kunci skrin dengan wajah anda dan bukannya Kod Ketik, Corak, PIN, atau Kata Laluan.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Pilih skrin kunci**.
- 2 Buka skrin mengikut kaedah yang dinyatakan.
- 3 Ketik **Membenarkan Pengecaman Muka**  untuk membenarkan anda membuka kunci skrin dengan menggunakan pengecaman wajah.

Menambah Baik Pengecaman Muka

Anda boleh menambah data wajah dalam pelbagai keadaan untuk menambah baik Pengecaman Wajah.

- 1 Ketik  > **Tetapan > Umum > Skrin kunci & keselamatan > Pengecaman Muka.**
- 2 Buka skrin mengikut kaedah yang dinyatakan.
- 3 Pilih **Tambah baik pengecaman wajah.**
- 4 Daftar wajah anda dengan mengikut arahan pada skrin.
- 5 Apabila pendaftaran wajah telah dilakukan, ketik **OK.**

Memadam data wajah

Anda boleh memadam data wajah berdaftar dan mendaftarnya semula jika Pengecaman Wajah tidak berfungsi dengan betul.

- 1 Ketik  > **Tetapan > Umum > Skrin kunci & keselamatan > Pengecaman Muka.**
- 2 Buka skrin mengikut kaedah yang dinyatakan.
- 3 Pilih **Padam wajah** untuk memadam data wajah.

Membuka kunci skrin dengan wajah anda semasa skrin dimatikan.

Dengan skrin yang dimatikan, angkat peranti anda dan lihat di hadapan skrin. Peranti boleh mengesan wajah anda dan skrin dibuka kunci.

Untuk menyahaktifkan ciri ini, ikut arahan di bawah.

- 1 Ketik  > **Tetapan > Umum > Skrin kunci & keselamatan > Pengecaman Muka.**
- 2 Buka skrin mengikut kaedah yang dinyatakan.
- 3 Seret **Benarkan apabila skrin dimatikan**  untuk menyahaktifkan ciri tersebut.
 - Ciri Pengecaman Wajah hanya tersedia apabila skrin dikunci.

Membuka kunci skrin dengan Pengecaman Muka dan kemudian meleret skrin

Dengan skrin dimatikan, anda boleh membuka kunci skrin dengan melakukan Pengecaman Wajah dan kemudian meleret skrin.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Pengecaman Muka**.
- 2 Buka skrin mengikut kaedah yang dinyatakan.
- 3 Seret **Leret untuk membuka kunci selepas wajah dikenal pasti**  untuk mengaktifkan ciri.

Meningkatkan Pengecaman Muka

Anda boleh mencegah peranti anda daripada dikunci dengan foto, imej atau video.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Pengecaman Muka**.
- 2 Buka skrin mengikut kaedah yang dinyatakan.
- 3 Seret **Pengecaman wajah canggih**  untuk mengaktifkan ciri ini.



- Kelajuan Pengecaman Wajah mungkin berkurangan apabila anda mengaktifkan ciri ini.

Pengecaman Suara

Gambaran keseluruhan Pengecaman Suara

Anda boleh membuka kunci skrin dengan menggunakan suara anda.



- Ciri ini mungkin lebih terdedah kepada keselamatan daripada kunci skrin yang lain, seperti Kod Ketik, Corak, PIN, dan Kata Laluan.
- Apabila suara yang serupa atau suara anda yang direkod digunakan, skrin mungkin dibuka.
- Apabila pengecaman suara dipilih untuk kunci skrin, masukkan Kod Ketik, Corak, PIN atau Kata Laluan yang telah digunakan untuk pendaftaran suara dan bukan pengecaman suara selepas peranti anda dihidupkan. Sewajarnya, berhati-hati untuk tidak lupa nilai yang dinyatakan.
- Jika peranti tidak dapat mengesan suara anda atau anda terlupa nilai yang dinyatakan untuk pendaftaran, kunjungi Pusat Khidmat Pelanggan LG terdekat dengan peranti dan kad ID anda.
- Data suara yang dikenal pasti disimpan dengan selamat dalam peranti anda.

Langkah berjaga-jaga untuk Pengecaman Suara

Ketepatan Pengecaman Suara boleh berkurangan dalam kes berikut. Untuk meningkatkan ketepatan pengecaman, periksa yang berikut sebelum menggunakan peranti.

- Apabila anda bercakap berlainan daripada arahan suara berdaftar.
- Apabila anda bercakap di tempat yang bising.
- Apabila lubang mikrofon ditutup dengan tangan anda atau mana-mana bahan asing.
- Apabila arahan suara berdaftar terlalu pendek (3 hingga 5 suku kata disyorkan).

Mendaftar arahan suara

Sebelum menggunakan ciri Pengesanan Suara, anda mesti mendaftarkan arahan suara anda pada peranti anda.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Pengesanan Suara**.



- Untuk menggunakan ciri ini, kunci skrin mesti ditetapkan dengan Kod Ketik, Corak, PIN, atau Kata Laluan.
- Apabila kunci skrin tidak ditetapkan, daftar data dengan mengikuti arahan pada skrin. Lihat *Menetapkan kunci skrin* untuk butiran.

- 2 Ketik **BERIKUT** dan buka kunci peranti mengikut kaedah tertentu.
- 3 Ketik **MULA**.
- 4 Ketik , kemudian ikut arahan pada skrin untuk mendaftar arahan suara.
 - Sebutkan arahan suara sebanyak 4 kali dengan suara yang jelas dan kuat.
 - Daftar arahan suara di tempat yang tenang.
 - Daftar arahan suara dalam 2 - 3 perkataan. (misalnya, 'LG Mobile')
- 5 Apabila arahan suara telah didaftarkan, ketik **PILIH**.

Menukar arahan suara

Anda boleh menukar arahan suara yang didaftarkan sebelum ini.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Pengesanan Wajah**.
- 2 Buka skrin mengikut kaedah yang dinyatakan.
- 3 Ketik **Tukar Suara**.
- 4 Ketik , kemudian ikut arahan pada skrin untuk mendaftar arahan suara sekali lagi.
- 5 Apabila arahan suara telah ditukar, ketik **OK**.

Memadam arahan suara

Anda boleh memadam arahan suara berdaftar.

- 1 Ketik  > **Tetapan > Umum > Skrin kunci & keselamatan > Pengecaman Suara.**
- 2 Buka skrin mengikut kaedah yang dinyatakan.
- 3 Ketik **Padamkan Suara.**
 - Dalam kes ini, anda tidak boleh menggunakan fungsi buka kunci untuk Kunci Pengecaman Suara.



- Untuk mendaftar arahan suara semula selepas anda memadamnya, lihat *Mendaftar arahan suara.*

Memilih kaedah pengecaman suara

Anda boleh memilih cara menggunakan pengecaman suara.

- 1 Ketik  > **Tetapan > Umum > Skrin kunci & keselamatan > Pengecaman Suara.**
- 2 Buka skrin mengikut kaedah yang dinyatakan.
- 3 Ketik **Pengecaman suara yang digunakan untuk.**
 - **Nyahkunci:** Buka kunci peranti melalui arahan suara.
 - **Hidupkan skrin:** Hidupkan skrin melalui arahan suara.

Memaparkan skrin kunci slaid selepas Pengecaman Suara

Walaupun dengan skrin dimatikan, anda boleh mengecam suara anda dan kemudian melepaskan skrin kunci dengan meleretkannya.

- 1 Ketik  > **Tetapan > Umum > Skrin kunci & keselamatan > Pengecaman Suara.**
- 2 Buka skrin mengikut kaedah yang dinyatakan.
- 3 Seret **Leret untuk membuka kunci selepas suara dicam**  untuk mengaktifkan ciri.

Ciri berbilang tugas


Berbilang tetingkap

Anda boleh menggunakan dua aplikasi pada masa yang sama dengan mengasingkan skrin kepada tetingkap berbilang.

- 1 Ketik  dari butang sentuh Utama.
 - Aplikasi yang baharu digunakan muncul.
- 2 Ketik  di bahagian atas aplikasi yang dikehendaki untuk menggunakan ciri Berbilang tetingkap.
 - Aplikasi yang dipilih muncul di bahagian atas separuh skrin.

Sebagai alternatif,

- 1 Sentuh dan tahan  semasa menggunakan aplikasi.
 - Aplikasi yang digunakan baru-baru ini muncul di skrin pisah.
- 2 Ketik  di bahagian atas aplikasi yang dikehendaki untuk menggunakan ciri Berbilang tetingkap.
 - Aplikasi yang dipilih muncul di bahagian atas separuh skrin.



- Untuk menyahaktifkan ciri Berbilang Tetingkap, sentuh dan tahan  pada butang sentuh Utama.
- Untuk melaraskan saiz skrin pisah, seret  di tengah-tengah skrin.
- Ciri Berbilang tetingkap tidak disokong oleh sesetengah aplikasi LG dan aplikasi yang dimuat turun dari Play Store.

Skrin gambaran keseluruhan

Skrin Gambaran Keseluruhan memberikan pratonton aplikasi yang terbaru digunakan.

Untuk melihat senarai aplikasi yang terbaru digunakan, ketik  pada Utama, kemudian ketik aplikasi yang dipaparkan.

- Sentuh dan tahan aplikasi dan seretnya ke bahagian atas skrin bagi memulakan aplikasi dengan ciri Berbilang tetingkap. Anda boleh juga mengetik  di bahagian atas setiap aplikasi.

Paparan sentiasa hidup

Anda boleh melihat tarikh, masa atau tandatangan apabila skrin utama dimatikan.

Leret bahagian bawah skrin paparan Sentiasa hidup untuk mengaktifkan ciri-ciri termasuk Kamera, Tangkap+, Wi-Fi, tetapan bunyi, **Bluetooth®**, Denyar, Muzik dan banyak lagi.

1 Ketik  > **Tetapan > Paparan > Always-On Display.**

2 Pilih imej yang anda mahu paparkan dan ketik **SIMPAN.**

- Ketik pada imej yang dikehendaki di kalangan **Jam digital, Jam analog, Dua jam, Tandatangan, Kalendar,** atau **Imej.**
- Seret **AlatCepat & pemain muzik**  untuk meleret ke atas ikon status bagi alat Pantas dan pemain muzik.
- Untuk menetapkan tempoh masa untuk tidak mengaktifkan ciri Sentiasa dipaparkan, ketik **Tamat masa harian.**
- Untuk meningkatkan kecerahan bagi ciri Sentiasa dipaparkan, ketik **Paparan Lebih Cerah.**



- Bateri mungkin mengalir dengan lebih cepat apabila anda menggunakan Always-on display. Matikan ciri ini untuk menjimatkan kuasa bateri.
- Untuk menyahaktifkan ciri paparan Sentiasa hidup, ketik  > **Tetapan > Paparan > Always-On Display,** dan kemudian ketik .

Quick Help

Anda boleh melihat maklumat bantuan mengenai ciri utama peranti, soalan lazim atau panduan pengguna. Cari maklumat bantuan menggunakan kata kunci. Anda boleh menyelesaikan masalah anda dengan cepat dengan perundingan satu dengan satu bersama seorang pakar.

- 1 Ketik  > **Quick Help**.
- 2 Cari maklumat bantuan dengan memasukkan kata kunci dalam medan carian.



- Ciri ini dikemas kini secara berkala mengikut maklum balas pengguna.
- Item menu yang tersedia mungkin berbeza bergantung pada kawasan dan penyedia perkhidmatan.
- Anda boleh melihat manual pengguna dalam talian daripada aplikasi Bantuan Segera bagi melihat maklumat terperinci tentang ciri-ciri peranti.

Nota Tentang Ciri Tahan Air

Produk ini adalah tahan air dan habuk dan mematuhi rating IP68 Perlindungan Kemasukan.

Produk anda telah menjalani pengujian dalam persekitaran terkawal dan terbukti tahan air dan habuk dalam sesetengah keadaan (menepati keperluan pengelasan IP68 seperti yang diterangkan oleh standard antarabangsa IEC 60529 - Tahap Perlindungan yang diberikan oleh Kepungan [Kod IP]; keadaan ujian: 15-35 °C, 86-106kPa, 1.5 meter, selama 30 minit). Jangan dedahkan peranti dalam keadaan yang berbeza daripada keadaan ujian. Hasil mungkin berbeza daripada penggunaan sebenar.



AMARAN

Walaupun mempunyai penilaian IP68, peranti anda tidak kedap terhadap keadaan yang tidak diuji dalam persekitaran terkawal LG. Harap maklum bahawa sebarang kerosakan yang berlaku disebabkan oleh sebab sedemikian mengubah warna LDI (Penunjuk Kerosakan Cecair). Jika warna LDI yang terletak di dalam produk berubah, produk akan dianggap tidak layak untuk sebarang perkhidmatan pembaikan secara percuma yang disediakan di bawah waranti terhadap produk.

Elakkan daripada mendedahkan produk kepada persekitaran dengan habuk atau kelembapan yang berlebihan. Jangan gunakan produk di dalam persekitaran yang berikut.



Jangan rendam produk di dalam sebarang cecair kimia (sabun, dll.) selain daripada air.



Jangan rendam produk di dalam air garam, termasuklah air laut.



Jangan rendam produk di dalam kolam air panas.



Jangan berenang dengan produk ini.



Jangan letakkan produk secara langsung di atas pasir (seperti di pantai) atau lumpur.



Jangan merendam produk anda di dalam air yang lebih dalam daripada kira-kira 1.5 meter.

Jangan merendam produk anda di dalam air untuk lebih daripada 30 minit.

- Jika produk anda basah, pastikan anda melap mikrofon, pembesar suara dan bicu stereo dengan kain kering sebelum digunakan.
- Sekiranya produk atau tangan anda basah, keringkannya sebelum mengendalikan peranti.

- Jangan gunakan produk di tempat yang air bertekanan tinggi mungkin disembur (cth. berhampiran pili atau kepala paip) atau merendamkannya dalam air untuk jangka masa yang panjang disebabkan produk ini tidak direka untuk menahan tekanan air yang tinggi.
- Produk ini tidak tahan gegaran. Jangan menjatuhkan produk ini atau mengenakan gegaran kepadanya. Perbuatan tersebut mungkin akan merosakkan atau mencacatkan unit utama dan menyebabkan kebocoran air.
- Ciri tahan air dan habuk produk boleh rosak sekiranya produk terjatuh atau terkena impak yang kuat.
- Jika produk basah, gunakan kain lembut yang bersih untuk benar-benar mengeringkannya.
- Skrin sentuh dan ciri lain mungkin tidak berfungsi dengan betul jika peranti digunakan semasa basah.
- Produk anda hanya tahan air apabila dulang SIM/Kad memori dimasukkan dengan betul dalam produk.
- Jangan buka atau tutup dulang SIM/Kad memori apabila produk basah atau direndam dalam air. Pendedahan dulang terbuka kepada air atau kelembapan mungkin merosakkan produk.
- Dulang SIM/Kad memori mengandungi getah [pelapik] untuk membantu menghalang debu, air atau kelembapan daripada memasuki produk. Jangan rosakkan getah [pelapik] kerana ia mungkin membolehkan debu, air atau kelembapan memasuki produk dan menyebabkan kerosakan.



- Kegagalan untuk mengikut arahan yang diberikan mungkin membatalkan waranti terhadap peranti anda.
- Jika peranti basah, LDI yang terletak di dalam peranti tersebut berubah warna. Bagi kes ini, peranti ini tidak layak untuk sebarang perkhidmatan pembaikan secara percuma yang disediakan di bawah waranti terhadap peranti.
- Walaupun mempunyai penilaian IP68, peranti anda tidak kedap sepenuhnya terhadap air dalam apa jua situasi.



02

Fungsi Asas

Komponen dan aksesori produk

Item berikut disertakan dengan peranti anda.

- Peranti
- Alat dengar stereo
- Kabel USB
- Pengecas
- Panduan Ringkas
- Pin lenting




- Item yang diterangkan di atas mungkin pilihan.
- Item yang dibekalkan dengan peranti dan sebarang aksesori yang tersedia mungkin berbeza mengikut kawasan atau penyedia perkhidmatan.
- Sentiasa guna aksesori LG Electronics yang tulen. Menggunakan aksesori yang dibuat oleh pengeluar lain boleh memberi kesan kepada prestasi panggilan peranti atau menyebabkan pincang tugas. Ini mungkin tidak diliputi oleh perkhidmatan pembaikan LG.
- Sebahagian daripada alat ganti peranti dibuat daripada kaca bajaan. Jika peranti anda jatuh di atas permukaan yang keras atau tertakluk kepada impak yang teruk, kaca terbaja mungkin telah rosak. Jika ini berlaku, berhenti menggunakan peranti anda dengan segera dan hubungi Pusat Khidmat Pelanggan LG.



- Jika mana-mana item asas ini tiada, hubungi wakil penjual tempat anda membeli peranti anda.
- Untuk membeli item tambahan, hubungi Pusat Khidmat Pelanggan LG.
- Sesetengah item dalam kotak produk adalah tertakluk pada perubahan tanpa notis.
- Penampilan dan spesifikasi peranti anda adalah tertakluk pada perubahan tanpa notis.
- Spesifikasi peranti mungkin berbeza bergantung pada kawasan dan penyedia perkhidmatan.
- Alih keluar filem pelindung daripada sensor Cap Jari sebelum menggunakan ciri pengecaman cap jari.

Gambaran keseluruhan bahagian





JANGAN cuba menanggalkan penutup belakang.

Peranti ini mempunyai bateri yang tidak boleh dikeluarkan. Jangan cuba menanggalkan penutup belakang. Berbuat demikian mungkin menyebabkan kerosakan teruk kepada bateri dan peranti, yang boleh menyebabkan pemanasan lampau, terbakar dan kecederaan.

- Penderia cahaya kehampiran/ambien :
 - Pengesan kehampiran: Semasa panggilan, penderia kehampiran mematikan skrin dan menyahdayakan fungsi sentuh apabila peranti berhampiran dengan badan manusia. Ia menghidupkan skrin semula dan mendayakan fungsi sentuh apabila peranti berada di luar julat yang ditentukan.
 - Penderia cahaya ambien: Penderia cahaya ambien menganalisis keamatan cahaya ambien apabila mod kawalan auto-kecerahan dihidupkan.
- Auto-fokus pengesanan laser
 - Kesan jarak dari kamera ke subjek anda untuk auto-pemfokusan.
 - Memfokus objek yang lebih dekat atau lebih jauh dengan cepat apabila anda menggunakan kamera belakang untuk menangkap foto.
- Kekunci volum
 - Laraskan kelantangan untuk nada dering, panggilan atau pemberitahuan.
 - Ketika menggunakan Kamera, tekan dengan perlahan kekunci Volum untuk mengambil foto. Untuk menangkap foto berterusan, tekan dan tahan kekunci Kelantangan.
 - Tekan kekunci Volum Turun (-) dua kali untuk melancarkan aplikasi Kamera ketika skrin dikunci atau dimatikan. Tekan kekunci Volum Naik (+) dua kali untuk melancarkan Tangkap+.


- Kekunci Kuasa/Kunci
 - Tekan sebentar kekunci apabila anda mahu menghidupkan atau mematikan skrin.
 - Tekan dan tahan kekunci apabila anda mahu memilih pilihan kawalan kuasa.
- Kekunci Pembantu Google
 - Peranti anda mempunyai Pembantu Google terbina dalam. Cari jawapan dan selesaikan perkara yang dilakukan ketika sibuk. Untuk bermula, ketik kekunci Pembantu Google di sisi telefon. Tekan dan tahan kekunci untuk bercakap cepat dengan Pembantu anda. Ketik dua kali untuk membuka Google Lens.
 - Aktifkan Pembantu Google. Lihat *Pembantu Google* untuk butiran.
- Pengesan cap jari
 - Hidupkan ciri pengesanan cap jari bagi memudahkan proses membuka kunci skrin. Lihat *Gambaran keseluruhan pengesanan cap jari* untuk butiran.



- Sesetengah fungsi mungkin aksesnya dihadkan, bergantung pada spesifikasi peranti.
- Bahagian belakang peranti termasuk antena NFC terbina dalam. Berjaga-jaga ketika menggunakan peranti bagi mengelakkan kerosakan atau menutup antena NFC
- Jangan letakkan objek yang berat di atas peranti atau duduk di atasnya. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh merosakkan skrin sentuh.
- Saputan pelindung skrin atau aksesori boleh mengganggu penerima kehampiran.
- Jika peranti anda basah atau digunakan di tempat yang lembap, skrin sentuh atau butang mungkin tidak akan berfungsi dengan betul.


Pegang peranti dengan betul seperti yang ditunjukkan di bawah. Jika anda menutup lubang mikrofon dengan tangan, jari atau sarung perlindungan ketika menggunakan peranti, suara anda mungkin tidak jelas semasa panggilan.

Contoh baik



Mikrofon

Contoh tidak baik



Jangan tutup mikrofon.

Menghidupkan atau mematikan kuasa

Menghidupkan kuasa

Apabila kuasa dimatikan, tekan dan tahan kekunci Power/Lock.



- Apabila peranti dihidupkan buat pertama kali, konfigurasi awal berlaku. Masa pengebutan pertama untuk telefon pintar mungkin lebih lama daripada biasa.

Mematikan kuasa

Tekan dan tahan kekunci Kuasa/Kunci, kemudian pilih Matikan kuasa.

Memulakan semula peranti

Apabila peranti tidak berfungsi dengan betul atau tidak bertindak balas, mulakannya semula dengan mengikut arahan di bawah.

- 1 Tekan dan tahan kekunci Kuasa/Kunci dan kekunci Kelantangan Turun (-) pada masa yang sama sehingga kuasa dimatikan.
- 2 Apabila peranti dimulakan semula, lepaskan kunci.

Pilihan kawalan kuasa

Tekan dan tahan kekunci Kuasa/Kunci, kemudian pilih pilihan.

- **Kuasa off:** Mematikan peranti.
- **Matikan dan hidupkan semula:** Mulakan semula peranti.
- **Pasangkan mod Kapal terbang:** Sekat fungsi berkaitan telekomunikasi, termasuk membuat panggilan telefon, pemesejan dan melayari Internet. Fungsi lain kekal tersedia.

Memasang kad SIM

Masukkan kad SIM (Modul Identiti Pelanggan) yang diberikan oleh pembekal perkhidmatan anda untuk mula menggunakan peranti anda.




- Berhati-hati dengan pin lentingan kerana ia mempunyai tepi yang tajam.




- Bagi memastikan ciri tahan air dan tahan debu untuk berfungsi dengan efektif, dulang kad mesti dimasukkan dengan betul.

- 1 Masukkan pin lentingan ke dalam lubang pada dulang kad.




- 2 Keluarkan dulang kad.




- 3 Letakkan kad SIM di atas talem kad dengan sesentuh berwarna emas menghadap ke bawah.
Letakkan kad SIM utama pada talem kad SIM 1 dan kad SIM kedua pada talem kad SIM 2.



- Talem kad SIM 2 juga berfungsi sebagai talem kad memori. Walau bagaimanapun, anda tidak boleh meletakkan kedua-dua kad SIM dan kad memori (pilihan) pada masa yang sama.



- 4 Masukkan dulang kad kembali ke dalam slot.





- Peranti menyokong kad SIM Nano sahaja.



Mikro



Standard



- Untuk prestasi tanpa masalah, adalah disyorkan agar menggunakan peranti dengan jenis kad SIM yang betul. Sentiasa guna kad SIM buatan kilang yang dibekalkan oleh pengendali.
- Jika anda memasukkan dulang kad ke dalam peranti anda semasa dulang kad dalam keadaan basah, peranti anda mungkin rosak. Sentiasa pastikan dulang kad itu kering.

Langkah berjaga-jaga apabila menggunakan kad SIM

- Jangan hilangkan kad SIM anda. LG tidak bertanggungjawab terhadap kerosakan dan isu lain disebabkan oleh kehilangan atau pemindahan kad SIM.
- Berhati-hati agar tidak merosakkan kad SIM ketika anda memasukkan atau mengeluarkannya.


Memasukkan kad memori

Masukkan kad memori ke dalam peranti anda.

Peranti boleh menyokong sehingga 2 TB kad mikroSD. Bergantung kepada pengilang dan jenis kad memori, sesetengah kad memori mungkin tidak sepadan dengan peranti anda.

- 1 Masukkan pin lenting ke dalam lubang pada dulang kad.
- 2 Keluarkan dulang kad.

- 3 Letakkan kad memori di atas talam kad dengan sesentuh berwarna emas menghadap ke bawah.



- 4 Masukkan dulang kad kembali ke dalam slot.



- Sesetengah kad memori mungkin tidak serasi sepenuhnya dengan peranti. Jika anda menggunakan kad yang tidak serasi, ia boleh merosakkan peranti atau kad memori atau merosakkan data yang disimpan di dalamnya.



- Kerap menulis dan memadam data mungkin memendekkan jangka hayat kad memori.

Mengeluarkan kad memori

Nyahlekapkan kad memori sebelum mengeluarkannya untuk keselamatan.

- 1 Ketik **○ > Tetapan > Umum > Storan > △**.
- 2 Masukkan pin pelentingan ke dalam lubang pada dulang kad dan kemudian tarik keluar dulang kad dari peranti.
- 3 Tanggalkan kad memori dari dulang kad.
- 4 Masukkan dulang kad kembali ke dalam slot.




- Jangan keluarkan kad memori semasa peranti ini memindahkan atau mengakses maklumat. Ini boleh mengakibatkan data hilang atau tercemar atau boleh merosakkan kad memori atau peranti. LG tidak bertanggungjawab bagi kerugian yang disebabkan oleh penyalahgunaan atau penggunaan kad memori dengan tidak betul, termasuk kehilangan data.

Bateri

Mengecas bateri

Sebelum menggunakan peranti anda, cas bateri sepenuhnya.

Caj peranti dengan kabel USB Type-C.





- Jangan gunakan terminal luaran, mengecas kabel atau jantina untuk peranti dalam keadaan yang lembap. Ini boleh mengakibatkan kebakaran, kejutan elektrik, kecederaan, atau kerosakan peranti. Sekiranya terdapat kelembapan, hentikan menggunakan peranti dengan segera dan keluarkan kelembapan tersebut sepenuhnya.
- Pastikan anda menggunakan kabel USB yang disediakan dengan peranti anda.
- Pastikan untuk menggunakan pengecas dan kabel pengecas LG yang diluluskan. Mengecas bateri dengan pengecas pihak ketiga boleh menyebabkan bateri meletup atau boleh merosakkan peranti.
- Peranti anda mempunyai bateri boleh dicas semula dalaman. Untuk keselamatan anda, jangan keluarkan bateri terbenam tersebut.
- Menggunakan peranti ketika sedang dicas boleh menyebabkan kejutan elektrik. Untuk menggunakan peranti, hentikan pengecasan.



- Cabut palam pengecas daripada soket kuasa selepas peranti dicas sepenuhnya. Ini mencegah penggunaan kuasa tidak diperlukan.
- Penyesuai pengecasan yang menyokong pengecasan pantas disertakan bersama produk.
- Ciri pengecasan pantas mungkin tidak berfungsi jika penyesuai pengecasan pantas selain daripada penyesuai asli yang disertakan dengan produk ini digunakan.
- Satu lagi cara untuk mengecas bateri ialah dengan menyambungkan kabel USB antara peranti dan komputer riba atau desktop. Ini mungkin mengambil masa yang lebih lama daripada memasang penyesuai ke alur keluar dinding.
- Jangan cas bateri dengan menggunakan hab USB yang tidak dapat mengekalkan voltan terkadar. Pengecasan mungkin gagal atau terhenti secara tidak sengaja.

Langkah berjaga-jaga ketika menggunakan peranti

- Pastikan untuk menggunakan kabel USB yang disediakan; jangan gunakan kabel USB atau pengecas pihak ketiga dengan peranti anda. Jaminan terhadap LG tidak melindungi penggunaan aksesori pihak ketiga.
- Kegagalan untuk mengikut arahan dalam panduan pengguna dan penggunaan yang tidak betul boleh merosakkan peranti itu.

Pengecasan wayarles

Peranti ini menyokong ciri pengecasan wayarles. Cas peranti dengan menggunakan pengecas wayarles Qi yang disahkan (pilihan, dijual secara berasingan).

Mengecas bateri dengan pengecas wayarles

- 1 Letakkan peranti anda di tengah-tengah pengecas wayarles sejajar dengan antena pengecas wayarles di belakang peranti.
 - Untuk memeriksa kawasan antena pengecasan wayarles, lihat *Gambaran keseluruhan bahagian*.
- 2 Apabila bateri dicas sepenuhnya, tanggalkan peranti dari pengecas.



- Apabila anda mengecas bateri dengan pengecas wayarles, jangan letakkan bahan magnetik, logam atau konduktif di antara peranti dan pengecas. Ini mungkin mengganggu pengecasan atau peranti dan pengecas mungkin menjadi panas. Dalam kes ini, peranti, pengecas atau kad SIM/Memori mungkin rosak.



- Jika suhu bateri melebihi paras tertentu semasa mengecas peranti, pengecasan mungkin dihentikan.
- Sekiranya bahan magnetik, logam atau konduktif dipasang di belakang peranti atau bekas perlindungan diletakkan, peranti mungkin tidak dicas dengan betul.
- Jika anda mengecas bateri dengan pengecas wayarles di kawasan yang kekuatan isyarat rangkaian lemah, prestasi rangkaian peranti anda mungkin lebih rendah.
- Cas peranti dengan menggunakan pengecas wayarles Qi yang disahkan (pilihan, dijual secara berasingan). Oleh kerana jaminan terhad LG tidak meliputi penggunaan aksesori pihak ketiga, sila hubungi pengeluar pihak ketiga.
- Produk ini menyokong pengecasan wayarles. Guna pengecas wayarles yang disahkan Qi (dijual berasingan) untuk mengecas produk. Sesetengah pengecas wayarles gegelung mungkin tidak menyokong pengecasan wayarles. Pengecas wayarles yang menyokong EPP (Profil Kuasa Dilanjutkan) membenarkan pengecasan wayarles berkelajuan tinggi.
- Oleh kerana jaminan terhad LG tidak meliputi penggunaan aksesori pihak ketiga, sila hubungi pengeluar pihak ketiga.

Menggunakan bateri dengan berkesan

Jangka hayat bateri boleh berkurangan jika anda membiarkan banyak aplikasi dan fungsi berjalan serentak dan berterusan.

Batalkan operasi latar belakang untuk meningkatkan hayat bateri.

Untuk meminimumkan penggunaan bateri, ikut petua berikut:


- Matikan fungsi rangkaian Bluetooth atau Wi-Fi apabila tidak menggunakannya.
- Tetapkan tamat masa skrin kepada sesingkat masa yang mungkin.
- Minimumkan kecerahan skrin.
- Tetapkan kunci skrin ketika peranti tidak digunakan.
- Periksa tahap bateri semasa menggunakan mana-mana aplikasi yang dimuat turun.

Skrin sentuh

Anda boleh membiasakan diri dengan cara untuk mengawal peranti anda dengan menggunakan gerak isyarat skrin sentuh.

Mengetik

Ketik perlahan dengan hujung jari anda untuk memilih atau menjalankan aplikasi atau pilihan.




Mengetik dan menahan

Sentuh dan tahan untuk beberapa saat bagi memapar menu dengan pilihan tersedia.




Mengetik dua kali

Ketik dua kali dengan cepat untuk mengezumi masuk atau keluar pada laman web atau peta.




Menyeret

Sentuh dan tahan item, seperti aplikasi atau widget, kemudian gerakkan jari anda ke lokasi lain dalam gerakan terkawal. Anda boleh menggunakan gerak isyarat ini untuk mengalihkan item.





Meleret

Sentuh skrin dengan jari anda dan gerakkannya dengan pantas tanpa berhenti. Anda boleh menggunakan isyarat ini untuk menatal melalui senarai, laman web, foto, skrin dan banyak lagi.



Mencubit dan meregang

Cubit dua jari untuk mengezum keluar seperti pada foto atau peta. Untuk mengezum masuk, regangkan jari anda ke arah bertentangan.



- Jangan dedahkan skrin sentuh kepada kejutan fizikal yang melampau. Anda mungkin merosakkan penderia sentuh.



- Kegagalan skrin sentuh mungkin berlaku jika anda menggunakan peranti berdekatan bahan magnetik, metalik atau konduktif.
- Jika anda menggunakan peranti di bawah cahaya terang seperti cahaya matahari langsung, skrin mungkin tidak dapat dilihat, bergantung pada kedudukan anda. Gunakan peranti di lokasi yang teduh atau lokasi dengan cahaya ambien yang tidak terlalu terang atau cukup terang untuk membaca buku.
- Jangan tekan skrin dengan daya yang berlebihan.
- Ketik perlahan-lahan dengan hujung jari anda pada pilihan yang anda mahu.
- Kawalan sentuh mungkin tidak berfungsi dengan betul jika anda mengetik sambil memakai sarung tangan atau dengan menggunakan hujung kuku anda.
- Kawalan sentuh mungkin tidak berfungsi dengan betul jika skrin lembap atau basah.
- Skrin sentuh mungkin tidak berfungsi dengan betul jika lapisan pelindung skrin atau aksesori yang dibeli dari gedung dalam atau luar talian dilekatkan pada peranti.
- Memaparkan imej statik untuk tempoh masa yang panjang boleh menyebabkan gambar selepas atau skrin terbakar. Matikan skrin atau elakkan daripada memaparkan imej yang sama untuk tempoh masa yang lama apabila anda tidak menggunakan peranti itu.

Skrin utama

Gambaran keseluruhan skrin Utama

Skrin Utama ialah titik permulaan untuk mengakses pelbagai fungsi dan aplikasi pada peranti anda. Ketik  pada skrin untuk terus pergi ke skrin Utama.

Anda boleh menguruskan semua aplikasi dan widget pada skrin Utama. Leret skrin ke kiri atau kanan untuk melihat semua aplikasi yang dipasang dengan cepat.

Tataletak skrin utama

Anda boleh melihat semua aplikasi dan mengatur widget serta folder pada skrin Utama.



- Skrin Utama boleh berbeza bergantung pada dasar pengilang, tetapan pengguna, versi perisian atau penyedia perkhidmatan.

- **Bar status:** Lihat ikon status, masa dan tahap bateri.
- **Widget cuaca:** Lihat maklumat cuaca dan masa untuk kawasan tertentu.
- **Widget Carian Google:** Taip atau bercakap untuk membuka Carian Google.
- **Ikon halaman:** Papar jumlah kanvas skrin Utama. Anda boleh mengetik ikon halaman yang dikehendaki untuk pergi ke halaman yang anda pilih. Ikon yang menggambarkan kanvas semasa akan diserahkan.
- **Kawasan akses pantas:** Tetapkan aplikasi utama di bahagian bawah skrin supaya ia boleh diakses dari mana-mana kanvas skrin Utama.

• Butang sentuh Utama


- ◀ : Kembali ke skrin sebelum. Tutup pad kekunci atau tetingkap timbul.
- ○ : Ketik untuk pergi ke skrin Utama. Untuk melancarkan Google Assistant, sentuh dan tahan.
- □ : Ketik bagi melihat senarai aplikasi yang terbaru digunakan atau jalankan aplikasi daripada senarai. Untuk memadam aplikasi yang terbaru digunakan, ketik **Kosongkan semua**. Untuk menggunakan dua aplikasi serentak dengan ciri Berbilang tetingkap, sentuh dan tahan butang semasa menggunakan satu aplikasi.
- ⇄ : Pilih kad SIM yang akan anda gunakan. Ketik dan tahan untuk mengkonfigurasi tetapan kad Dual SIM.

Mengedit butang sentuh Utama

Anda boleh mengatur semula butang sentuh Utama atau menambah fungsi yang kerap digunakan kepada bahagian butang sentuh Utama.

Ketik ○ > **Tetapan > Paparan > Bebutang sentuh Rumah > Kombinasi bebutang** dan sesuaikan tetapan.

- Beberapa fungsi, termasuk QSlide, Pemberitahuan dan Tangkap+, ada disediakan. Maksimum dua item tambahan boleh ditambah.



Menyembunyikan butang sentuh Utama

Anda boleh menyembunyikan butang sentuh Utama untuk melihat dalam skrin yang lebih besar semasa menggunakan aplikasi.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Paparan** > **Bebutang sentuh Rumah** > **Sembunyikan butang Rumah**.
- 2 Pilih aplikasi untuk menyembunyikan butang sentuh Utama ketika menggunakan aplikasi itu, dan ketik .
 - Butang sentuh Utama hilang 3 saat selepas sentuhan terakhir.
 - Untuk melihat butang sentuh Utama semula, seret bahagian bawah skrin ke atas.

Butang Kunci/sembunyi

Ikon untuk kunci atau sembunyi butang sentuh Utama muncul di sebelah kiri bawah skrin.

Jika anda ingin kunci butang sentuh Utama sambil menyembunyikan butang, ketik  pada butang kiri sentuh Utama.

Untuk sembunyi butang sentuh Utama semula, ketik dua kali .



- Sesetengah ciri mungkin tidak disokong semasa menyembunyikan butang sentuh Utama.

Ikon status

Apabila terdapat pemberitahuan untuk mesej belum dibaca, acara kalendar atau penggera, bar status memaparkan ikon pemberitahuan yang sepadan. Semak status peranti anda dengan melihat ikon pemberitahuan yang dipaparkan pada bar status.

	Tiada isyarat
	Data sedang dihantar melalui rangkaian
	Penggera ditetapkan
	Mod getar hidup
	Bluetooth hidup
	Disambungkan ke komputer melalui USB
	Tahap bateri
	Mod pesawat dihidupkan
	Panggilan tidak dijawab
	Wi-Fi bersambung
	Mod bisu hidup
	GPS hidup
	Hotspot hidup
	Tiada kad SIM
	Mod NFC dihidupkan




- Sesetengah ikon ini mungkin kelihatan berbeza atau tidak kelihatan langsung, bergantung pada status peranti. Rujuk pada ikon mengikut persekitaran sebenar dan kawasan anda menggunakan peranti dan pembekal perkhidmatan anda.
- Ikon yang dipaparkan mungkin berbeza, bergantung pada kawasan atau penyedia perkhidmatan.

Panel pemberitahuan

Anda boleh membuka panel pemberitahuan dengan menyeret bar status ke bawah di skrin utama.

- Untuk membuka senarai ikon akses segera, seret panel pemberitahuan ke bawah.
- Untuk mengatur semula, menambah atau membuang ikon, ketik **EDIT**.
- Jika anda ketik dan tahan ikon, skrin tetapan untuk fungsi yang sepadan akan muncul.
- Ketik  untuk meningkatkan kecerahan skrin kepada maksimum 1,000 nit.



- Anda boleh menggunakan panel pemberitahuan walaupun pada skrin kunci. Seret panel pemberitahuan semasa skrin dikunci untuk mengakses ciri yang dikehendaki dengan pantas.

Menukar orientasi skrin

Anda boleh menetapkan orientasi skrin untuk bertukar secara automatik mengikut orientasi fizikal peranti.

Pada panel pemberitahuan, ketik **Putaran** daripada senarai ikon akses pantas.

Secara pilihan, ketik  > **Tetapan** > **Paparan** dan aktifkan **Auto-rotate screen**.




Mengedit skrin Utama

Pada skrin Utama, ketik dan tahan pada ruang kosong, kemudian pilih tindakan yang diinginkan daripada di bawah.

- Untuk mengatur semula kanvas skrin Utama, ketik dan tahan pada kanvas, kemudian seret ia ke lokasi yang lain.
- Untuk menambah widget kepada skrin Utama, sentuh dan tahan pada bahagian kosong skrin Utama, kemudian pilih **Widget**.
- Untuk menukar hiasan dinding, tema, ikon dan AOD, sentuh dan tahan pada bahagian kosong skrin Utama, kemudian pilih **Kertas dinding & Tema**.

Anda juga boleh ketik  > **Tetapan** > **Paparan** > **Kertas dinding & Tema**, kemudian pilih hiasan dinding, tema, ikon dan AOD untuk digunakan pada peranti.

- Untuk mengkonfigurasi tetapan skrin Utama, sentuh dan tahan pada bahagian kosong skrin Utama, kemudian pilih **Tetapan skrin utama**. Lihat *Pengesetan skrin utama* untuk butiran.
- Untuk melihat dan memasang semula aplikasi yang dinyahpasang, sentuh dan tahan pada kawasan kosong skrin Utama, kemudian pilih **Sampah aplikasi**. Lihat *Sampah aplikasi* untuk butiran.
- Untuk menukar skrin lalai, sentuh dan tahan pada kawasan kosong skrin Utama, bergerak ke skrin diingini, ketik , kemudian ketik skrin sekali lagi.




Melihat tema latar belakang

Anda hanya boleh melihat imej latar belakang dengan menyembunyikan aplikasi dan widget pada skrin Utama.

Regangkan dua jari pada skrin Utama.

- Untuk kembali ke skrin asal yang memaparkan aplikasi dan widget, cubit jari anda pada skrin Utama atau ketik ◀.



Mengalihkan aplikasi pada skrin Utama

Pada skrin Utama, ketik dan tahan aplikasi, kemudian seretnya ke lokasi yang lain.

- Untuk mengekalkan aplikasi yang kerap digunakan di bahagian bawah skrin Utama, ketik dan tahan aplikasi, kemudian seretnya ke kawasan akses pantas di bahagian bawah.
- Untuk mengalih keluar ikon dari kawasan akses pantas, seret ikon ke skrin Utama.

Menggunakan folder daripada skrin Utama

Mencipta folder

Pada skrin Utama, ketik dan tahan aplikasi, kemudian seretnya atas aplikasi lain.

- Folder baharu dicipta dan aplikasi di tambah pada folder.

Mengedit folder

Pada skrin Utama, ketik folder dan lakukan satu daripada tindakan berikut.

- Untuk mengedit nama dan warna folder, ketik nama folder.
- Untuk menambah aplikasi, sentuh dan tahan aplikasi, kemudian seret ke atas folder dan lepaskannya.
- Untuk mengalih keluar aplikasi daripada folder, ketik dan tahan aplikasi kemudian menyeretnya keluar daripada folder.
- Anda juga boleh menambah atau membuang aplikasi selepas mengetik ⊕ dalam folder.



- Anda tidak boleh menukar warna folder semasa menggunakan tema yang dimuat turun.

Pengesetan skrin utama

Anda boleh sesuaikan tetapan skrin Utama.

- 1 Ketik ○ > **Tetapan** > **Paparan** > **Skrin utama**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **Pilih utama:** Pilih mod skrin Utama.
 - **Kertas dinding:** Ubah kertas hias dinding latar belakang skrin Utama.
 - **Efek skrin:** Pilih kesan untuk digunakan apabila kanvas skrin Utama bertukar.

- **Bentuk ikon:** Pilih jika anda mahu ikon untuk mempunyai sudut persegi atau bulat.
- **Isih aplikasi mengikut:** Tetapkan bagaimana aplikasi diisih pada skrin Utama.
- **Grid:** Ubah mod penyusunan aplikasi untuk skrin Utama.
- **Sembunyikan aplikasi:** Pilih aplikasi mana yang anda ingin sembunyikan daripada skrin Utama.
- **Benarkan menggelum skrin Utama:** Aktifkan untuk membolehkan penatalan berterusan skrin Utama (gelung kembali ke skrin pertama selepas skrin terakhir).
- **Smart Bulletin:** Gunakan skrin Utama untuk melihat maklumat yang disesuaikan untuk keperluan anda.
- **Cari:** Carian dengan meleret ke bawah pada skrin Utama.

Kunci skrin

Gambaran keseluruhan kunci skrin

Skrin peranti anda mati dan mengunci dirinya sendiri jika anda menekan kekunci Kuasa/Kunci. Ini juga terjadi selepas peranti ditinggalkan melahu untuk tempoh masa tertentu.

Jika anda menekan kekunci Power/Lock ketika kunci skrin tidak ditetapkan, skrin Utama muncul serta-merta.

Untuk memastikan keselamatan dan mencegah akses tidak dikehendaki kepada peranti anda, tetapkan kunci skrin.



- Kunci skrin menghalang input sentuh yang tidak perlu pada skrin peranti dan mengurangkan penggunaan bateri. Kami mengesyorkan anda supaya mengaktifkan kunci skrin semasa tidak menggunakan peranti.

Menetapkan kunci skrin

Terdapat beberapa pilihan yang tersedia untuk mengkonfigurasi tetapan skrin kunci.

- 1 Ketik  > **Tetapan > Umum > Skrin kunci & keselamatan > Pilih skrin kunci** dan kemudian pilih kaedah yang anda suka.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **Tiada:** Nyahaktifkan fungsi kunci skrin.
 - **Seret:** Luncurkan pada skrin untuk membuka kunci skrin.
 - **Knock Code:** Ketik skrin mengikut corak untuk membuka kunci skrin.
 - **Corak:** Lukis corak untuk membuka kunci skrin.
 - **PIN:** Masukkan kata laluan berangka untuk membuka kunci skrin.
 - **Kata laluan:** Masukkan kata laluan angka abjad untuk membuka kunci skrin.
 - **Cap Jari:** Buka kunci skrin menggunakan cap jari anda.
 - **Membenarkan Pengecaman Muka:** Buka kunci skrin dengan membenarkan peranti mengenali wajah anda.
 - **Benarkan pengecaman suara:** Buka kunci skrin dengan membenarkan peranti mengenali arahan suara tertentu.



- Jika anda mencuba untuk membuka kunci peranti secara tidak betul sebanyak 5 kali, skrin akan disekat selama 30 saat.

Melindungi tetapan pemula

Apabila anda memilih Knock Code, Corak, PIN atau Kata Laluan sebagai kaedah kunci skrin, anda boleh mengkonfigurasi peranti anda untuk dikunci bila-bila masa menghidupkan peranti untuk menyelamatkan data.

- Anda tidak boleh menggunakan semua fungsi kecuali untuk panggilan kecemasan sehingga anda membuka kunci peranti.
- Jika anda terlupa kata laluan penyahsulitan anda, anda tidak boleh menyimpan semula data yang disulitkan dan maklumat peribadi.

Langkah berjaga-jaga untuk ciri permulaan selamat

- Jika anda terlupa kata laluan penyahsulitan anda, anda tidak boleh menyimpan semula data yang disulitkan dan maklumat peribadi.
- Pastikan menyimpan kata laluan kunci skrin anda secara berasingan.
- Jika anda salah memasukkan kata laluan kunci skrin lebih daripada had cubaan yang dinyatakan, peranti akan secara automatik menetapkan semula sendiri dan data yang disulitkan dan maklumat peribadi anda akan dipadamkan secara automatik dan ia tidak dapat dipulihkan.
- Berhati-hati agar tidak memasukkan kata laluan kunci skrin yang salah lebih daripada had cubaan yang ditetapkan.
- Apabila anda menghidupkan peranti sebaik sahaja ia ditetapkan semula, penyulitan juga bermula. Sekiranya anda menghentikan penyulitan sewenang-wenang, data mungkin rosak. Pastikan anda menunggu sehingga penetapan semula dilengkapi.

Sesuaikan Skrin kunci

Anda boleh sesuaikan tetapan skrin kunci.

- 1 Ketik  > **Tetapan > Umum > Skrin kunci & keselamatan > Sesuaikan Skrin kunci.**
- 2 Pilih fungsi yang anda mahu tetapkan.
 - **Kertas dinding:** Membolehkan anda menetapkan latar belakang untuk skrin Kunci anda.
 - **Jam:** Membolehkan anda menetapkan kedudukan untuk meletakkan jam pada skrin Kunci.
 - **Jalan pintas:** Membolehkan anda memilih aplikasi untuk dijalankan pada skrin Kunci anda. Tetapan ini muncul hanya apabila kunci skrin ditetapkan.
 - **Efek skrin:** Membolehkan anda tetapkan kesan peralihan skrin untuk digunakan ketika skrin dibuka kunci.
 - **Animasi cuaca:** Dayakan pilihan ini paparkan animasi cuaca untuk lokasi semasa pada skrin Kunci.
 - **Maklumat hubungan untuk telefon hilang:** Membolehkan anda menetapkan teks untuk dipaparkan pada skrin Kunci untuk mengenal pasti pemilik telefon.

Tetapan kunci keselamatan

Anda boleh tetapkan tetapan kunci keselamatan.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Tetapan kunci selamat**.
- 2 Pilih fungsi yang anda mahu tetapkan.
 - **Kunci pemasa:** Membolehkan anda menetapkan jumlah masa sebelum skrin dikunci secara automatik selepas lampu latar dimatikan (tamat masa disebabkan tak aktif).
 - **Butang kuasa segera mengunci:** Dayakan pilihan ini untuk kunci segera skrin apabila kekunci Kuasa/Kunci ditekan. Tetapan ini membatalkan tetapan pemasa Keselamatan Kunci.
 - **Smart Lock:** Membolehkan anda menetapkan peranti dipercayai, tempat, suara, dan / atau pengesan pada peranti yang akan membolehkan telefon anda tetap terbuka.



- Menu yang anda boleh tetapkan mungkin berbeza bergantung pada kaedah skrin kunci yang anda pilih.

KnockON

Anda boleh menghidupkan atau mematikan skrin dengan mengetik skrin dua kali.



- Pilihan ini tersedia hanya pada skrin Utama yang disediakan oleh LG. Ia mungkin tidak berfungsi dengan betul pada pelancar tersuai atau pada skrin Utama yang dipasang oleh pengguna.
- Apabila mengetik skrin, gunakan hujung jari anda. Jangan gunakan kuku.
- Untuk menggunakan ciri KnockON, pastikan penerima berhampiran/cahaya tidak disekat oleh pelekat atau sebarang bahan asing lain.

Menghidupkan skrin

Ketik dua kali di tengah-tengah skrin.

- Mengetik bahagian atas atau bawah skrin boleh mengurangkan kadar pengecaman.

Mematikan skrin

Ketik dua kali pada ruang kosong pada skrin Utama dan skrin Kunci.

Sebagai alternatif, ketik dua kali ruang kosong pada bar status.

Knock Code

Anda boleh membuka kunci skrin dengan mencipta Kod Ketuk anda sendiri. Apabila skrin dikunci, anda boleh mengakses skrin Utama secara langsung dengan mengetik skrin dalam jujukan tertentu.



- Anda boleh menggunakan Kod Ketuk anda, bersama dengan ciri KnockOn.
- Pastikan untuk menggunakan hujung jari apabila mengetik skrin.

Mencipta Knock Code

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Pilih skrin kunci** > **Knock Code**.
- 2 Ketik segi empat dalam corak pilihan anda untuk mencipta Kod Ketuk dan ketik **SETERUSNYA**.
- 3 Masukkan Kod Ketuk yang dicipta sekali lagi untuk penentusahan, kemudian ketik **MENGESAHKAN**.

Membuka kunci skrin dengan menggunakan Kod Ketuk

Buka kunci skrin dengan memasukkan Kod Ketuk yang telah anda cipta.

Anda juga boleh masukkan Kod Ketuk anda pada skrin sentuh ketika skrin dimatikan.

- Kod Ketuk juga boleh dimasukkan ketika skrin kunci dihidupkan.

Penyulitan kad memori

Anda boleh menyulitkan dan melindungi data yang disimpan pada kad memori. Data yang disulitkan dalam kad memori tidak boleh diakses daripada peranti lain.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Skrin kunci & keselamatan** > **Penyulitan & kelayakan** > **Sulitkan penyimpanan kad SD**.
- 2 Baca gambaran keseluruhan pada skrin penyulitan kad memori dan kemudian ketik **SAMBUNG** untuk meneruskan.
- 3 Pilih pilihan dan ketik **ENKRIPSI**.
 - **Fail penyulitan Baru:** Sulitkan hanya data yang disimpan pada kad memori selepas penyulitan.
 - **Penyulitan Penuh:** Sulitkan semua data yang disimpan pada masa ini pada kad memori.
 - **Tidak termasuk fail media:** Sulitkan semua fail, kecuali untuk fail media seperti muzik, foto dan video.



- Untuk menyulit kad memori, pastikan bahawa kunci skrin ditetapkan dengan menggunakan PIN atau kata laluan.
- Sebaik sahaja penyulitan kad memori bermula, sesetengah fungsi tidak boleh didapati.
- Jika anda mematikan kuasa ketika penyulitan sedang berjalan, proses penyulitan akan gagal dan sesetengah data mungkin rosak. Oleh itu, pastikan untuk memeriksa jika paras bateri adalah mencukupi sebelum memulakan penyulitan.
- Fail yang disulitkan hanya boleh diakses daripada peranti di mana fail telah disulitkan.
- Kad memori yang disulitkan tidak boleh digunakan pada peranti LG yang lain. Untuk menggunakan kad memori yang disulitkan pada peranti mudah alih lain, formatkan kad.
- Anda boleh mengaktifkan penyulitan kad memori walaupun tiada kad memori dipasang ke dalam peranti. Sebarang kad memori yang dipasang selepas penyulitan akan disulitkan secara automatik.

Mengambil petikan skrin

Anda boleh mengambil petikan skrin semasa yang sedang anda lihat.

Melalui pintasan

Tekan dan tahan kekunci Power/Lock dan Volum Turun (-) pada masa yang sama untuk sekurang-kurangnya dua saat.

- Petikan skrin boleh dilihat dari folder **Screenshots** dalam **Galeri**.

Melalui Capture+

Pada skrin di mana anda mahu mengambil petikan skrin, seret bar status ke bawah, kemudian ketik .



- Apabila skrin dimatikan atau dikunci, anda boleh mengakses **Tangkap+** dengan menekan kekunci Volum Naik (+) dua kali. Untuk menggunakan ciri ini, ketik **O > Tetapan > Am > Kekunci pintasan** dan hidupkan **Buka Capture+**.
- Lihat *Menulis nota pada petikan skrin* untuk butiran.

Memasukkan teks


Menggunakan papan kekunci Smart

Anda boleh menggunakan papan kekunci Smart untuk memasukkan dan mengedit teks.

Dengan papan kekunci Pintar, anda boleh melihat teks ketika anda menaip tanpa perlu berselang-seli antara skrin dan papan kekunci konvensional. Ini membolehkan anda mencari dan membetulkan kesilapan ketika menaip teks dengan mudah.

Menggerakkan kursor

Dengan papan kekunci Smart, anda boleh menggerakkan kursor kedudukan tepat yang anda kehendaki. Apabila menaip teks, sentuh dan tahan pada bar ruang dan kemudian seret kiri atau kanan.




- Pilihan ini tersedia hanya pada papan kekunci QWERTY.

Mencadangkan perkataan

Papan kekunci Smart menganalisis corak penggunaan anda secara automatik untuk mencadangkan perkataan yang kerap digunakan ketika anda menaip. Semakin lama anda menggunakan peranti anda, semakin tepat cadangan yang akan diberikan.

Masukkan teks, kemudian ketik perkataan yang dicadangkan atau seret perlahan-lahan sebelah kiri atau kanan papan kekunci ke atas.

- Perkataan yang dipilih dimasukkan secara automatik. Anda tidak perlu menaip setiap huruf bagi perkataan secara manual.




Mengubah tataletak papan kekunci QWERTY

Anda boleh menambah, memadam atau mengatur semula kekunci di baris bawah papan kekunci.

- 1 Ketik **○ > Tetapan > Umum > Bahasa & input > Papan kekunci pada skrin > Papan kekunci LG > Ketinggian dan tataletak papan kekunci > Tataletak QWERTY.**

Sebagai alternatif, ketik  pada papan kekunci dan ketik **Ketinggian dan tataletak papan kekunci > Tataletak QWERTY.**

- 2 Ketik kekunci di baris bawah, kemudian seret ia ke lokasi lain.
 - Anda boleh memilih dan menyusun simbol yang sering digunakan.



- Pilihan ini tersedia hanya pada papan kekunci QWERTY, QWERTZ dan AZERTY.
- Fungsi ini mungkin tidak disokong untuk sesetengah bahasa.

Menyesuaikan ketinggian papan kekunci

Anda boleh menyesuaikan ketinggian papan kekunci untuk memaksimumkan keselesaan tangan ketika menaip.

- 1 Ketik **○ > Tetapan > Umum > Bahasa & input > Papan kekunci pada skrin > Papan kekunci LG > Ketinggian dan tataletak papan kekunci > Ketinggian papan kekunci.**

Sebagai alternatif, ketik  pada papan kekunci dan ketik **Ketinggian dan tataletak papan kekunci > Ketinggian papan kekunci.**

- 2 Melaraskan ketinggian papan kekunci.



Memilih mod papan kekunci landskap

Anda boleh memilih mod papan kekunci landskap daripada beberapa pilihan.

- 1 Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Bahasa & input** > **Papan kekunci pada skrin** > **Papan kekunci LG** > **Ketinggian dan tataletak papan kekunci** > **Jenis papan kekunci dalam landskap**.


Sebagai alternatif, ketik  pada papan kekunci dan ketik **Ketinggian dan tataletak papan kekunci** > **Jenis papan kekunci dalam landskap**.

- 2 Pilih mod papan kekunci.

Memisahkan papan kekunci

Anda boleh membahagi dua papan kekunci dan meletakkan pisahan pada mana-mana sisi skrin ketika skrin berada dalam mod landskap.

Untuk memisahkan papan kekunci, pusingkan peranti secara mendatar dan menghamparnya di kedua-dua sisi dengan memegang papan kekunci bersama dua jari. Untuk melampirkan papan kekunci, tutupnya dengan menekan dengan dua jari.




Mod operasi sebelah tangan

Anda boleh mengalihkan papan kekunci ke satu sisi skrin supaya anda boleh menggunakan papan kekunci dengan sebelah tangan.

- 1 Ketik **○ > Tetapan > Umum > Bahasa & input > Papan kekunci pada skrin > Papan kekunci LG > Ketinggian dan tataletak papan kekunci > Operasi tunggal**.

Sebagai alternatif, ketik  pada papan kekunci dan ketik **Ketinggian dan tataletak papan kekunci > Operasi tunggal**.

- 2 Tekan anak panah yang dipaparkan di sebelah papan kekunci untuk mengalihkan papan kekunci mengikut arah yang anda mahu.



Menambah bahasa kepada papan kekunci

Anda boleh membuat bahasa tambahan tersedia untuk input papan kekunci.

- 1 Ketik **○ > Tetapan > Umum > Bahasa & input > Papan kekunci pada skrin > Papan kekunci LG > Pilih bahasa**.
- 2 Pilih bahasa yang anda ingin jadikannya tersedia.

Salin dan Tampil

Anda boleh memotong atau menyalin teks dari aplikasi dan kemudian menampal teks ke dalam aplikasi yang sama. Atau, anda boleh menjalankan aplikasi lain dan menampal teks ke dalam aplikasi tersebut.

- 1 Ketik dan tahan sekitar teks yang anda ingin salin atau potong.
- 2 Seret  /  bagi menentukan kawasan untuk disalin dan dipotong.
- 3 Pilih sama ada **POTONG** atau **SALIN**.
 - Teks yang dipotong atau disalin ditambah secara automatik pada papan klip.
- 4 Ketik dan tahan tettingkap input teks, kemudian pilih **TAMPAL**.



- Jika tiada item yang disalin atau dipotong, pilihan **TAMPAL** tidak akan muncul.

Memasukkan teks dengan menggunakan suara

Pada papan kekunci, ketik dan tahan  dan kemudian pilih .



- Untuk memaksimumkan pengecaman arahan suara, bercakap dengan jelas.
- Untuk memasukkan teks dengan menggunakan suara anda, pastikan peranti anda disambungkan ke rangkaian.
- Untuk memilih bahasa bagi pengecaman suara, ketik  > **Bahasa** pada skrin pengecaman suara.
- Fungsi ini mungkin tidak disokong atau bahasa yang disokong mungkin berbeza bergantung pada kawasan perkhidmatan.

Dulang Klip

Jika anda menyalin atau memotong imej atau teks, ia disimpan secara automatik pada talam klip dan boleh ditampal pada mana-mana ruang bila-bila masa.

- 1 Pada papan kekunci, ketik dan tahan  dan pilih .
Sebagai alternatif, ketik dan tahan tettingkap input teks, kemudian pilih **Dulang klip**.
- 2 Pilih dan tampal item daripada talam klip.
 - Maksimum 20 item boleh disimpan pada talam klip.
 - Ketik  untuk mengunci item yang disimpan supaya tidak memadamnya, walaupun ketika melebihi kuantiti maksimum. Maksimum sepuluh item boleh dikunci. Untuk memadam item yang dikunci, buka kunci item tersebut terlebih dahulu.
 - Ketik  untuk memadam item yang disimpan pada talam klip.



- Dulang klip mungkin tidak disokong oleh sesetengah aplikasi yang dimuat turun.

Perkongsi kandungan

Memainkan kandungan daripada peranti lain

Anda boleh memainkan foto, video atau muzik yang disimpan pada peranti dari TV.

- 1 Sambungkan TV dan peranti kepada rangkaian Wi-Fi yang sama.
- 2 Ketika melihat item dari aplikasi **Galeri** atau **Muzik**, ketik  : > **Main pada peranti lain**.
Atau ketik  > **Tetapan** > **Rangkaian** > **Kongsi skrin** dan kemudian ketik  untuk mengaktifkannya.
- 3 Pilih TV yang anda hendak sambungkan.



- Untuk kegunaan dengan Chromecast, perkhidmatan Google Play harus dikemas kini.

Melihat kandungan daripada peranti berhampiran

Anda boleh melihat kandungan daripada pelbagai peranti seperti komputer, NAS atau peranti mudah alih dengan menggunakan aplikasi Galeri atau Muzik.

Ketik **Tetapan > Rangkaian > Pelayan media** dan kemudian ketik **Perkongsian kandungan** ☐ untuk mengaktifkannya.

Menyambung peranti

Sambungkan kedua-dua peranti anda dan peranti lain yang menyokong fungsi DLNA kepada rangkaian wayarles yang sama.



- Pastikan bahawa perkongsian Fail (DLNA) diaktifkan pada kedua-dua peranti dan peranti yang disambungkan.

Mencari peranti berhampiran

Anda boleh melihat senarai peranti DLNA pada rangkaian yang sama dengan memilih tab **PERANTI BERDEKATAN** dalam setiap aplikasi.

Gunakan kandungan daripada peranti berhampiran seolah-olah anda menggunakannya pada peranti anda.

Menghantar atau menerima fail

Anda boleh berkongsi fail antara peranti anda dan peranti LG lain, atau tablet atau komputer.

Menghantar fail

Daripada aplikasi **Galeri**, **Pengurus fail** atau **Muzik**, ketik **> Kongsi** atau  kemudian pilih peranti pada senarai perkongsian fail.

Menerima fail

Seret bar status ke bawah dan kemudian ketik **Berkongsi fail**.

Jika peranti anda tidak menyokong ciri perkongsian fail, ketik  > **Tetapan**
> **Rangkaian** > **Berkongsi fail** > **SmartShare Beam** .



- Pastikan peranti anda disambungkan ke rangkaian wayarles yang sama seperti peranti sasaran pemindahan fail.
- Pastikan bahawa perkongsian Fail diaktifkan pada kedua-dua peranti dan peranti sasaran.

Melihat kandungan daripada awan anda

Anda boleh terus melihat kandungan yang disimpan dalam akaun awan anda, tanpa memuat turunnya ke peranti anda.

- 1 Daripada aplikasi **Galeri** atau **aplikasi Muzik**, pilih  > **Awan**.
Atau daripada **Pengurus fail** Pengurus Fail, pilih  > **Menguruskan akaun**.
- 2 Pilih akaun awan dan daftar masuk.
- 3 Simpan atau mainkan kandungan dalam awan anda.

Do Not Disturb

Anda boleh menghadkan atau membisukan pemberitahuan bagi mengelak gangguan untuk tempoh masa tertentu.

Ketik  > **Tetapan > Bunyi > Do Not Disturb.**

- **Mod** dan pilih mod yang anda mahu:
 - **Prioriti sahaja:** Terima pemberitahuan bunyi atau getaran untuk aplikasi yang dipilih. Walaupun apabila hanya Keutamaan dihidupkan, penggera masih berbunyi.
 - **Senyap sepenuhnya:** Melumpuhkan kedua-dua bunyi dan getaran.
- **Pilih keutamaan:** Terima penggera atau pemberitahuan untuk aplikasi yang terpilih.
 - **Pemberitahuan aplikasi:** Pilih aplikasi untuk menerima pemberitahuan.
 - **Panggilan daripada:** Sediakan pelbagai pemberitahuan apabila menerima panggilan.
 - **Panggilan ulangan:** Panggilan kedua dari pemanggil yang sama dalam masa 15 minit tidak disenyapkan.
 - **Mesej daripada:** Sediakan pelbagai pemberitahuan apabila menerima mesej.
- **Guna Do Not Disturb:** Pasangkan ciri Jangan ganggu.
- **JADUAL:** Tetapkan jadual yang mana anda ingin pasangkan ciri Jangan ganggu.



03

Aplikasi Berguna

Memasang dan membuang pemasangan aplikasi

Memasang aplikasi

Akses gedung aplikasi untuk mencari dan memuat turun aplikasi.

- Anda boleh menggunakan SmartWorld, Gedung Play atau gedung aplikasi yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan anda.



- Beberapa kedai aplikasi mungkin memerlukan anda untuk membuat akaun dan mendaftar masuk.
- Sesetengah aplikasi mungkin dikenakan bayaran.
- Jika anda menggunakan data mudah alih, anda boleh dikenakan bayaran untuk penggunaan data, bergantung kepada pelan harga anda.
- SmartWorld mungkin tidak disokong bergantung pada kawasan atau penyedia perkhidmatan.

Buang pemasangan aplikasi

Buang pemasangan aplikasi yang anda tidak lagi gunakan daripada peranti anda.

Buang pemasangan dengan mengetik dan menahan gerak isyarat

Pada skrin Utama, sentuh dan tahan aplikasi untuk menyahpasang, kemudian seretnya ke atas **Padam** di bahagian atas skrin.

- Jika aplikasi telah dinyahpasang dalam tempoh 24 jam dari sekarang, anda boleh memasang aplikasi tersebut semula. Lihat *Sampah aplikasi* untuk butiran.

Membuang pemasangan dengan menggunakan menu tetapan

Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Aplikasi & pemberitahuan** > **Maklumat aplikasi**, pilih aplikasi, kemudian ketik **Buang pemasangan**.



- Sesetengah aplikasi tidak boleh dinyahpasang oleh pengguna.

Menyahpasang aplikasi dari gedung aplikasi

Untuk menyahpasang aplikasi, akses gedung aplikasi untuk anda memuat turun aplikasi dan menyahpasangnya.

Memasang dan menyahpasang aplikasi semasa penyediaan

Apabila anda menghidupkan peranti untuk kali pertama, anda boleh memuat turun aplikasi yang disyorkan.

Anda boleh melangkaui ke langkah seterusnya tanpa pemasangan.

Sampah aplikasi

Anda boleh melihat aplikasi yang dinyahpasang pada skrin Utama. Anda juga boleh memasang semula aplikasi yang telah dinyahpasang dalam tempoh 24 jam dari sekarang.

1 Ketik > **Pengurusan** > **Sampah aplikasi**.

Anda juga boleh sentuh dan tahan bahagian kosong Skrin utama, kemudian ketik **Sampah aplikasi**.

2 Aktifkan fungsi yang dikehendaki:

- **Pulih:** Memasang semula aplikasi yang terpilih.
-  : Mengalih keluar aplikasi yang dinyahpasang secara kekal dari peranti.




- Aplikasi yang dinyahpasang dialih keluar secara automatik daripada peranti 24 jam selepas ia dinyahpasang. Jika anda ingin memasang semula aplikasi yang dinyahpasang, anda mesti muat turun aplikasi tersebut sekali lagi dari gedung aplikasi.
- Ciri ini diaktifkan pada Skrin utama lalai sahaja. Jika anda menyahpasang aplikasi semasa menggunakan skrin Easyhome atau pelancar lain, aplikasi tersebut dengan serta-merta dan secara kekal dikeluarkan dari peranti.

Pintasan Aplikasi

Pada skrin Utama, sentuh dan tahan ikon aplikasi seperti Panggilan, Mesej, Kamera, Galeri dan Tetapan untuk memaparkan menu akses pantas. Gunakan aplikasi dengan lebih mudah melalui Pintasan Aplikasi.

- Ketik  untuk mengkonfigurasi tetapan untuk widget aplikasi yang diingini.
- Ketik  untuk melihat maklumat bagi aplikasi yang diingini.



- Ciri ini hanya tersedia pada sesetengah aplikasi.

Telefon

Panggilan suara

Buat panggilan telefon dengan menggunakan salah satu kaedah yang sedia ada, seperti memasukkan nombor telefon secara manual atau membuat panggilan daripada senarai kenalan atau senarai panggilan terbaru.

Membuat panggilan dari pad kekunci

- 1 Ketik  >  > **Dail**.
- 2 Membuat panggilan dengan menggunakan kaedah pilihan anda:
 - Masukkan nombor telefon dan ketik .
 - Ketik dan tahan nombor dail terus.
 - Mencari kenalan dengan mengetik huruf awal nama kenalan dalam senarai kenalan dan kemudian ketik .



- Untuk memasukkan "+" apabila membuat panggilan antarabangsa, ketik dan tahan nombor 0.
- Lihat [Menambah kenalan](#) untuk butiran tentang cara menambahkan nombor telefon pada senarai dail pantas.

Membuat panggilan dari senarai kenalan

- 1 Ketik  >  > **Kenalan**.
- 2 Dari senarai kenalan, pilih kenalan dan ketik .

Menjawab panggilan

Untuk menjawab panggilan, seret  pada skrin panggilan masuk.

- Apabila alat dengar stereo disambungkan, anda boleh membuat panggilan dengan menggunakan butang panggilan/tamat pada alat dengar.
- Untuk menamatkan panggilan tanpa mematikan skrin, ketik  > **Tetapan > Rangkaian > Tetapan panggilan > Biasa > Jawab dan tamatkan panggilan** dan kemudian aktifkan **Tamatkan panggilan dengan kekunci Kuasa**.


Menolak panggilan

Untuk menolak panggilan masuk, seret  melintangi skrin panggilan masuk.

Anda boleh menggunakan peranti sebagai kad pengangkutan atau kad kredit. Anda juga boleh berkongsi data dengan peranti lain.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Rangkaian > NFC**.
- 2 Ketik  untuk mengaktifkannya.
 - Sentuh peranti anda dengan peranti lain yang menyokong NFC untuk membolehkan perkongsian data.



- Antena NFC mungkin diletakkan dengan berbeza bergantung pada jenis peranti. Lihat *Gambaran keseluruhan bahagian* untuk butiran mengenai bahagian antena NFC.

Android Beam

Anda boleh berkongsi fail dengan menyentuh belakang peranti ke peranti lain. Anda juga boleh berkongsi fail termasuk muzik, video atau kenalan dan membuka laman web atau melancarkan aplikasi daripada peranti lain.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Rangkaian > Android Beam**.
- 2 Sentuh belakang peranti dengan peranti lain.



- Antena NFC mungkin diletakkan dengan berbeza bergantung pada jenis peranti.

Berkongsi panel

Anda boleh berkongsi kandungan dari Galeri, Muzik dan Pengurus Fail dengan peranti berdekatan. Anda boleh berkongsi kandungan dengan orang yang khusus dalam peranti yang berfungsi dengan Google Direct Share.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Rangkaian > Berkongsi panel**.
- 2 Ketik  untuk menyahaktifkan setiap pilihan tambahan.

Berkongsi fail

Anda boleh menghantar dan menerima fail di antara peranti anda dan peranti atau tablet LG yang lain.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Rangkaian > Berkongsi fail**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **G7+ ThinQ**: Tukar nama peranti.
 - **Simpan ke**: Tetapkan folder destinasi di dalam untuk menyimpan fail yang dihantar dari peranti lain.
 - **Berkongsi fail**: Penerimaan permit fail dihantar daripada peranti lain.
 - **SmartShare Beam**: Berkongsi fail dengan peranti lain melalui SmartShare Beam.
 - **Bantuan** Anda boleh melihat bantuan mengenai perkongsian fail.

Pelayan media

Anda boleh berkongsi kandungan media pada peranti anda dengan peranti berdekatan yang menyokong DLNA.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Rangkaian > Pelayan media**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **Perkongsian kandungan**: Kongsi kandungan pada peranti anda dengan peranti berhampiran.
 - **G7+ ThinQ**: Tetapkan nama peranti anda.
 - **Kandungan dikongsi saya**: Pilih jenis kandungan media untuk berkongsi dengan peranti lain.
 - **Peranti dibenarkan**: Lihat senarai peranti yang dibenarkan untuk mencapai kandungan pada peranti anda.
 - **Peranti tidak dibenarkan**: Lihat senarai peranti yang tidak dibenarkan untuk mencapai kandungan pada peranti anda.

LG AirDrive

Anda boleh menggunakan akaun LG anda untuk menguruskan fail yang disimpan pada peranti dari komputer. Anda tidak memerlukan sambungan USB.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Rangkaian > LG AirDrive**.
- 2 Menggunakan akaun LG tunggal untuk mendaftar masuk ke LG Bridge pada komputer dan **LG AirDrive** pada peranti.
 - Perisian LG Bridge boleh dimuat turun dari www.lg.com.
- 3 Menguruskan fail pada peranti dari komputer.

Mencetak

Anda boleh menyambungkan peranti anda ke pencetak Bluetooth dan mencetak gambar atau dokumen yang disimpan pada peranti.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Rangkaian > Mencetak**.



- Jika pencetak yang dikehendaki tiada dalam senarai, pasang pemacu pencetak daripada gedung aplikasi.

- 2 Ketik ☐ untuk mengaktifkannya.
- 3 Pilih pencetak dari skrin senarai pencetak.
 - Untuk menambah pencetak, ketik **⋮ > Tambah pencetak**.
 - Untuk mencari nama pencetak, ketik **⋮ > Cari**.
 - Ketik **⋮ > Tetapan** daripada skrin senarai pencetak.
- 4 Pilih fail dan ketik **⋮ > Cetak**.
 - Cetakan dokumen.



- Sekiranya anda tidak mempunyai akaun Google, ketik **TAMBAH AKAUN** untuk mencipta akaun.

Mod pesawat

Anda boleh mematikan panggilan dan fungsi data mudah alih. Apabila mod ini dihidupkan, fungsi yang tidak melibatkan data, seperti permainan dan main balik muzik, tetap tersedia.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Rangkaian > Mod pesawat**.
- 2 Ketik **HIDUPKAN** dalam skrin pengesahan.

Rangkaian mudah alih

Anda boleh sesuaikan tetapan rangkaian mudah alih.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Rangkaian > Rangkaian mudah alih**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **Mod rangkaian:** Pilih jenis rangkaian.
 - **Nama Pusat Akses:** Melihat atau menukar titik capaian untuk menggunakan perkhidmatan data mudah alih. Untuk menukar titik capaian, pilih pilihan dari senarai titik capaian.
 - **Operator rangkaian:** Mencari operator rangkaian dan menyambung kepada rangkaian secara automatik.

VPN

Anda boleh menyambungkan ke rangkaian maya selamat, seperti intranet. Anda juga boleh menguruskan rangkaian peribadi maya bersambung.

Menambah VPN

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Rangkaian > VPN**.
- 2 Ketik **+**.



- Ciri ini tersedia hanya apabila kunci skrin diaktifkan. Jika kunci skrin dinyahaktifkan, skrin pemberitahuan muncul. Ketik **UBAH** daripada skrin pemberitahuan untuk mengaktifkan kunci skrin. Lihat *Menetapkan kunci skrin* untuk butiran.

- 3 Masukkan butiran VPN dan ketik **SIMPAN**.

Mengkonfigurasi tetapan VPN

- 1 Ketik VPN daripada senarai **VPNS**.
- 2 Masukkan butiran akaun pengguna VPN dan ketik **SAMBUNG**.
 - Untuk menyimpan butiran akaun, pilih kotak semak **Menyimpan maklumat akaun**.

Bunyi

Anda boleh sesuaikan bunyi, bergetar dan tetapan pemberitahuan.

Pada skrin tetapan, ketik **Bunyi** dan sesuaikan tetapan berikut:

- **Profil bunyi**: Ubah mod bunyi ke **Bunyi**, **Getar sahaja**, atau **Senyap**.
- **Volum**: Laraskan volum bunyi untuk pelbagai item.
- **SIM1 Ringtone/SIM2 Ringtone**: Pilih nada dering untuk panggilan masuk. Tambah atau padam nada dering.

- **ID nada dering:** Cipta nada dering bagi panggilan masuk daripada kenalan tertentu.
- **Nada dering dengan getaran:** Tetapkan peranti agar bergetar dan bermain nada dering secara serentak.
- **Isyarat denyar untuk panggilan masuk:** Tetapkan denyar berkelip mengikut nada dering LG.
- **SIM1 Bunyi Pemberitahuan/SIM2 Bunyi Pemberitahuan:** Pilih nada dering pemberitahuan. Tetapkan muzik yang disimpan pada peranti sebagai nada dering pemberitahuan.
- **Do Not Disturb:** Tetapkan masa, jarak dan jenis aplikasi untuk menerima pesanan pemberitahuan. Terima pesanan pemberitahuan hanya pada hari-hari tertentu dalam seminggu.
- **Kualiti bunyi dan kesan:** Gunakan fungsi untuk tetapkan kualiti bunyi dan kesan ketika memainkan lagu atau video.
 - **Volum:** Laraskan volum bunyi untuk pelbagai item.
 - **Normalkan kelantangan:** Gunakan fungsi untuk normalkan volum pelbagai sumber bunyi.
 - **Ekualiser:** Gunakan fungsi ini untuk laraskan tetapan penyama.
 - **DTS:X 3D Surround:** Gunakan fungsi untuk memainkan muzik atau video dalam 3 dimensi, bunyi yang mendalam dan jelas apabila fon telinga, pembesar suara atau peranti audio luaran lain disambungkan. Lihat *DTS:X 3D Surround* untuk butiran.
 - **Hi-Fi Quad DAC:** Sambungkan fon telinga, pembesar suara atau peranti audio luaran lain pada bicu set kepala stereo dan gunakan mana-mana antaranya sebagai Hi-Fi Quad DAC.
 - **Praset bunyi:** Gunakan fungsi untuk memilih praset bunyi.
 - **Penapis digital:** Gunakan fungsi untuk laraskan gema belakang dan sebagainya untuk memainkan muzik seperti yang dikehendaki.
 - **Seimbang:** Gunakan fungsi untuk melaraskan volum kiri dan kanan fon telinga.

- **Kekuatan getaran:** Laraskan intensiti getaran.
- **SIM1 Jenis getaran/SIM2 Jenis getaran:** Anda boleh memilih jenis getaran apabila menerima panggilan.
- **Getar apabila diketik:** Tetapkan peranti agar bergetar apabila anda mengetik item tertentu pada skrin.
- **Bunyi pad kekunci mendail:** Memilih kesan bunyi pad kekunci.
- **Bunyi papan kekunci LG:** Memilih kesan bunyi pad kekunci LG.
- **Sentuh bunyi:** Memilih kesan bunyi apabila mengetik item.
- **Bunyi kunci skrin:** Pilih kesan bunyi apabila skrin dikunci atau dibuka kunci.

Paparan

Anda boleh sesuaikan tetapan terperinci bagi setiap jenis skrin.

Pada skrin tetapan, ketik **Paparan** dan sesuaikan tetapan berikut:

- **Skrin utama:** Sesuaikan tetapan untuk skrin Utama. Lihat *Pengesetan skrin utama* untuk butiran.
- **Kertas dinding & Tema:** Pilih hiasan dinding, tema, dan AOD untuk peranti anda.
- **Huruf:** Mengubah saiz, ketebalan atau muka taip fon.
- **New Second screen:** Pilih bagaimana sudut bar status dan aplikasi akan kelihatan.
- **Bebutang sentuh Rumah:** Susun semula butang sentuh Utama atau menukar warna latar belakangnya.
- **Always-on display:** Sentiasa memaparkan maklumat, seperti tarikh, masa dan pemberitahuan, walaupun skrin dimatikan. Bagi butiran, lihat *Paparan sentiasa hidup*.

- **Penskalaan aplikasi:** Laraskan saiz skrin aplikasi.



Nisbah aspek

- Peranti ini menggunakan nisbah aspek 19.5:9.
 - Sesetengah aplikasi yang dimuat turun mungkin tidak menyokong nisbah aspek 19.5:9.
Dalam kes ini, pilih nisbah skrin yang paling optimum untuk aplikasi atau rujuk penyedia aplikasi untuk maklumat lanjut.
 - Anda boleh memilih nisbah aspek bagi aplikasi individu dengan mengetik **○ > Tetapan > Paparan > Penskalaan aplikasi**. Pilih nisbah aspek yang dikehendaki daripada **Keserasian (16:9)**, **Standard (16.7:9)**, dan **Skrin penuh**.

- **Saiz paparan:** Tetapkan item pada skrin kepada saiz yang mudah untuk anda lihat. Sesetengah item mungkin berubah kedudukan.
- **Resolusi skrin:** Laraskan resolusi skrin.



- Apabila anda menukar resolusi skrin, aplikasi semasa yang sedang berjalan ditutup.

- **Warna skrin:** Laraskan warna, suhu warna, atau nilai RGB bagi skrin yang dikehendaki.



- Ketik  untuk set semula tetapan.

- **Paparan selesa:** Tetapkan peranti bagi mengurangkan jumlah cahaya biru pada skrin untuk mengurangkan keletihan mata.
- **Kecerahan:** Gunakan bar gelangsar untuk menukar kecerahan skrin peranti. Untuk melaraskan kecerahan skrin secara automatik mengikut keamatan cahaya ambien, ketik **suis Automatik**.
- **Auto:** Tetapkan peranti supaya kecerahan skrin dilaraskan secara automatik mengikut keamatan cahaya sekitar.
- **Skrin auto putar:** Secara automatik memutar skrin mengikut orientasi peranti.

- **Masa tamat skrin:** Secara automatik mematikan skrin apabila peranti terbiar untuk tempoh masa tertentu.
- **Penyelamat skrin:** Papar penyelamat skrin apabila peranti disambungkan kepada pemegang atau pengecas. Pilih jenis penyelamat skrin untuk dipaparkan.
- **Paparan mini:** Jadikan saiz skrin lebih kecil supaya mudah menggunakan peranti dengan satu tangan. Seret butang sentuh Utama di bahagian bawah skrin ke kiri atau kanan.

Umum

Skrin kunci & keselamatan

Anda boleh menyesuaikan tetapan skrin kunci dan keselamatan.

- **Google Play Protect:** Imbas peranti anda secara harian untuk aplikasi berpotensi berbahaya.
- **Cari Peranti Saya:** Menjejak lokasi peranti secara jauh. Anda juga boleh melindungi selamat data anda jika anda kehilangan peranti anda.
- **Kemas kini keselamatan:** Semakan pengemaskinian perisian dan mengkonfigurasi tetapan pemasangan automatik.
- **Pilih skrin kunci:** Memilih kaedah kunci skrin yang dikehendaki. Lihat *Menetapkan kunci skrin* untuk butiran.
- **Suaikan Skrin kunci:** Mengubah maklumat yang terpapar pada skrin kunci.
- **Tetapan kunci selamat:** Ubah tetapan kunci keselamatan.
- **Cap Jari:** Gunakan cap jari anda untuk membuka kunci skrin atau kandungan. Lihat *Gambaran keseluruhan pengecaman cap jari* untuk butiran.
- **Pengecaman Muka:** Membenarkan anda membuka kunci skrin menggunakan wajah anda. Lihat *Gambaran keseluruhan Pengecaman Wajah* untuk butiran.
- **Pengecaman Suara:** Lepaskan skrin kunci dengan mengenal pasti arahan suara anda.

- **Kunci kandungan:** Membenarkan anda menetapkan jenis kunci (kata laluan atau corak) bagi fail QuickMemo+ dan galeri anda.
- **Lokasi:** Anda boleh menyesuaikan cara maklumat lokasi anda digunakan oleh aplikasi tertentu.
- **Penyulitan & kelayakan:** Mengkonfigurasi tetapan penyulitan dan kelayakan kad SD.
 - **Sulitkan penyimpanan kad SD:** Sulitkan kad memori bagi menghalang penggunaan pada peranti lain. Lihat *Penyulitan kad memori* untuk butiran.
 - **Permulaan selamat:** Lindungi peranti anda dengan kunci apabila kuasanya hidup. Lihat *Melindungi tetapan pemula* untuk butiran.
 - **Perlindungan kelayakan:** Lihat jenis storan tempat sijil keselamatan akan disimpan.
 - **Pentauliahan Dipercayai:** Melihat sijil CA akar sistem dan sijil CA yang dipasang oleh pengguna anda.
 - **Kelayakan pengguna:** Melihat dan mengubah maklumat sijil selamat yang tersimpan pada peranti anda.
 - **Pasang dari simpanan:** Memasang sijil selamat daripada storan.
 - **Kosongkan butiran:** Memadam sijil selamat yang dipasang oleh pengguna dan kelayakan berkaitan.
- **Sediakan kunci kad SIM:** Kunci atau buka kunci kad USIM, atau menukar kata laluan (PIN).
- **Jadikan kata laluan dapat dilihat:** Dayakan pilihan ini untuk memaparkan setiap aksara kata laluan secara sementara apabila anda menaipnya agar anda boleh melihat apa yang dimasukkan.
- **Pentadbir peranti:** Benarkan keistimewaan untuk menyekat kawalan atau penggunaan peranti ini bagi aplikasi tertentu.
- **Trust agents:** Lihat dan gunakan agen kepercayaan dipasang pada peranti.
- **Pin skrin:** Betulkan skrin aplikasi supaya hanya aplikasi aktif masa ini yang boleh digunakan.
- **Akses penggunaan:** Lihat butiran tentang kegunaan aplikasi pada peranti.

Aplikasi & pemberitahuan

Anda boleh menyemak senarai aplikasi terpasang dan mengkonfigurasi tetapan pemberitahuan, keizinan aplikasi dan selanjutnya.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Aplikasi & pemberitahuan**.
- 2 Sesuaikan tetapan.

Bateri

Anda boleh melihat maklumat bateri semasa atau menghidupkan mod penjimatan kuasa.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Bateri**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **Penggunaan bateri:** Lihat butiran penggunaan bateri. Untuk melihat butiran terperinci, pilih item tertentu.
 - **Peratusan bateri pada bar status:** Paparkan tahap bateri yang tinggal sebagai peratusan pada bar status.
 - **Jimat Kuasa:** Kurangkan penggunaan bateri dengan mengurangkan beberapa tetapan peranti, seperti kecerahan paparan, kelajuan dan intensiti getaran.
 - **Pengecualian penjimatan kuasa:** Pilih aplikasi untuk digunakan tanpa apa-apa had fungsian semasa dalam penjimatan kuasa atau mod pengoptimuman bateri.

Storan

Anda boleh melihat dan menguruskan storan dalaman pada peranti atau ruang storan kad memori.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Storan**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **Storan dalaman**: Lihat jumlah ruang keseluruhan storan dan ruang bebas dalam storan dalaman peranti. Lihat senarai aplikasi dalam penggunaan dan kapasiti storan untuk setiap aplikasi.
 - **Kad SD**: Lihat jumlah ruang storan dan ruang bebas dalam kad memori. Pilihan ini muncul hanya apabila kad memori dimasukkan. Untuk menyahlekapkan kad ingatan, ketik .

Pengguna & akaun

Anda boleh menambah pengguna untuk berkongsi peranti anda dan daftar akaun awan.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Pengguna & akaun**.
- 2 Sesuaikan tetapan.

Kebolehcapaian

Anda boleh menguruskan pemalam ketercapaian yang dipasang pada peranti anda.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Kebolehcapaian**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **Wawasan > TalkBack**: Tetapkan peranti untuk memberitahu status skrin atau tindakan melalui suara.
 - **Wawasan > Suara Pemberitahuan**: Tetapkan peranti untuk membaca maklumat pemanggil melalui suara.
 - **Wawasan > Huruf**: Mengubah saiz, ketebalan atau muka taip fon.
 - **Wawasan > Saiz paparan**: Tetapkan item pada skrin kepada saiz yang mudah untuk anda lihat. Sesetengah item mungkin berubah kedudukan.

- **Wawasan > Sentuh zum:** Zum masuk atau keluar dengan mengetik skrin tiga kali.
- **Wawasan > Zum tetingkap:** Zum masuk atau keluar dalam tetingkap dan terbalikkan warna.
- **Wawasan > Penunjuk tetikus besar:** Besarkan penunjuk tetikus.
- **Wawasan > Skrin kontras tinggi:** Tukar warna latar belakang kepada hitam untuk skrin kontras tinggi.
- **Wawasan > Songsangan warna skrin:** Tingkatkan paparan warna berbeza untuk orang yang mempunyai penglihatan yang lemah.
- **Wawasan > Pelarasan warna skrin:** Laraskan warna paparan.
- **Wawasan > Skala kelabu:** Tukar skrin ke mod skala kelabu.
- **Wawasan > Tamatkan panggilan dengan kekunci Kuasa:** Tamatkan panggilan dengan menekan kekunci Kuasa/Kunci.
- **Mendengar > Kapsyen:** Hidupkan perkhidmatan sari kata apabila memainkan video untuk masalah pendengaran.
- **Mendengar > LED berkelip:** Tetapkan untuk menghidupkan lampu LED bagi panggilan masuk dan pemberitahuan.
- **Mendengar > Isyarat denyar:** Tetapkan peranti supaya memberitahu anda dengan lampu berkelip untuk panggilan masuk, mesej dan penggera.
- **Mendengar > Senyapkan semua bunyi:** Bisukan semua bunyi dan perlahankan suara pada penerima.
- **Mendengar > Saluran audio:** Pilih jenis audio.
- **Mendengar > Keseimbangan bunyi:** Laraskan keseimbangan output audio. Gunakan bar gelangsar untuk mengubah keseimbangan.
- **Motor & kognisi > Touch assistant:** Hidupkan papan sesentuh untuk membuatkan butang dan gerak isyarat mudah untuk digunakan.
- **Motor & kognisi > Input sentuhan:** Masukkan teks dengan menyentuh dan menahan skrin atau ubah suainya dengan hanya menyentuh skrin.
- **Motor & kognisi > Papan kekunci fizikal:** Sesuaikan tetapan papan kekunci.

- **Motor & kognisi > Klik tetikus auto:** Klik secara automatik penunjuk tetikus jika tiada pergerakan.
- **Motor & kognisi > Sentuh dan tahan untuk panggilan:** Jawab atau tolak panggilan dengan mengetik dan menahan butang panggilan dan bukan menyeretnya.
- **Motor & kognisi > Masa tamat skrin:** Matikan skrin secara automatik apabila peranti terbiar untuk tempoh masa tertentu.
- **Motor & kognisi > Kawasan kawalan sentuh:** Hadkan kawasan sentuhan supaya hanya bahagian tertentu pada skrin yang boleh dikawal oleh input sesentuh.
- **Pintasan ciri kebolehcapaian:** Cepat mencapai fungsi yang kerap digunakan dengan mengetik  tiga kali.
- **Skrin auto putar:** Menukar orientasi skrin secara automatik mengikut kedudukan fizikal peranti.
- **Pilih untuk Bercakap:** Membolehkan anda mengetik item untuk mendengar maklum balas yang dikatakan.
- **Tukar Akses:** Buat kombinasi kunci untuk mengawal peranti anda.

Google

Anda boleh menggunakan tetapan Google untuk menguruskan tetapan aplikasi Google dan akaun anda.

Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Google**.

Smart Doctor

Anda boleh menggunakan Smart Doctor untuk mendiagnosis keadaan peranti dan mengoptimumkannya.

Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Smart Doctor**.

Floating Bar

Anda boleh mengaktifkan ciri-ciri yang sering digunakan termasuk pintasan, tangkapan skrin, Muzik, Kenalan dan banyak lagi dengan menyentuh dan kemudian menggesek Bar Terapung pada skrin. Lihat *Gambaran Keseluruhan Floating Bar* untuk butiran.

Permainan

Anda boleh mengkonfigurasi tetapan untuk alat permainan, grafik dan ciri penjimatan bateri.

- **Alat permainan:** Ketik  untuk mengaktifkan ciri ini. Anda boleh melancarkan ciri ini dengan mengetik ikon alat permainan di bahagian bawah skrin semasa bermain permainan.
- **Grafik permainan:** Laraskan grafik permainan.



- Apabila anda menukar resolusi pada sesetengah permainan, ciri paparan skrin mungkin tidak berfungsi dengan betul.

- **Masa rehat:** Kurangkan kecerahan skrin dan prestasi apabila anda meninggalkan permainan yang berjalan lebih daripada 5 minit.

Context Awareness

Anda secara automatik boleh menukar tetapan peranti anda mengikut corak penggunaan dan lokasi.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Context Awareness**.
- 2 Aktifkan item yang anda mahu menukar tetapan secara automatik.

Kekunci pintasan

Anda boleh menyesuaikan tetapan kekunci pintasan.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Kekunci pintasan**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **Buka Kamera:** Tekan kekunci Kuasa dua kali untuk membuka Kamera.
 - **Buka Capture+:** Tekan kekunci Naikkan Volum dua kali untuk membuka **Capture+** apabila skrin dikunci atau dimatikan.
 - **Buka Kamera:** Tekan kekunci Rendahkan Volum dua kali untuk membuka **Kamera** apabila skrin dikunci atau dimatikan.
 - **Kunci Google Penolong:** Ketik kekunci Pembantu Google di bahagian sisi telefon. Tekan dan tahan kekunci untuk bercakap cepat dengan Pembantu anda. Ketik dua kali untuk membuka Google Lens.

KnockON

Ketik skrin dua kali untuk menghidupkan atau mematikan skrin,

Lihat *KnockON* untuk butiran.

Pusat kemaskini

Anda boleh menyemak dan memasang versi terkini aplikasi atau perisian yang disediakan oleh LG.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Pusat kemaskini**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **Kemaskini aplikasi:** Menyemak jika pengemaskinian aplikasi tersedia. Jika tersedia, anda boleh memasang pengemaskinian.
 - **Kemaskini perisian:** Menyemak jika pengemaskinian perisian tersedia. Jika tersedia, anda boleh memasang pengemaskinian.

Bahasa & input

Anda boleh sesuaikan bahasa dan papan kekunci tetapan untuk peranti anda.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Bahasa & input**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **Bahasa:** Pilih bahasa untuk digunakan bagi peranti.
 - **Papan kekunci semasa:** Lihat papan kekunci yang digunakan ketika ini. Pilih papan kekunci untuk digunakan apabila memasukkan teks.
 - **Papan kekunci pada skrin:** Mengubah tetapan papan kekunci LG atau ciri pengecaman suara Google Voice.
 - **Papan kekunci fizikal:** Pilih untuk menggunakan papan kekunci fizikal atau menyemak kekunci pintasan papan kekunci.
 - **Perkjoynmatan Auto isi:** Dayakan pilihan ini untuk memasukkan maklumat yang tersimpan di dalam akaun anda seperti kata laluan, alamat atau nombor kad kredit dengan satu ketikan. Anda boleh menyahdayakan pilihan ini, menggunakan Google Autocomplete atau menambah akaun perkhidmatan baharu.
 - **Output teks-ke-ucapan:** Mengkonfigurasi tetapan untuk output teks-ke-tutur.
 - **Kelajuan petunjuk:** Laraskan kelajuan penuding tetikus atau pad jejak.
 - **Butang tetikus songsang:** Undurkan butang kanan tetikus untuk melakukan tindakan manipulasi langsung yang utama.

Tarikh & Masa

Anda boleh sesuaikan tetapan tarikh dan masa untuk peranti anda.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Tarikh & masa**.
- 2 Sesuaikan tetapan.

Memori

Anda boleh melihat jumlah purata penggunaan memori dalam tempoh masa yang tertentu dan memori yang digunakan oleh aplikasi.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Memori**.
- 2 Ketik ▼ untuk menetapkan slot masa bagi mendapatkan data.

Simpanan

Anda boleh membuat sandaran data yang disimpan pada peranti anda ke peranti atau akaun yang lain.

- 1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Simpanan**.
- 2 Sesuaikan tetapan berikut.
 - **LG Mobile Switch:** Membolehkan anda memindahkan data dari peranti LG lama ke peranti LG baharu anda. Lihat *LG Mobile Switch* untuk butiran.
 - **Sandaran & simpan semula:** Sandarkan data peranti anda atau menyimpan data ke peranti anda daripada sandaran.



- Menetapkan semula peranti anda mungkin memadam fail sandaran yang disimpan dalam storan. Pastikan untuk menyalin dan menyimpan fail sandaran penting ke PC anda.
- **Google Simpanan:** Mengubah tetapan sandaran pemacu Google. Anda juga boleh menyemak akaun sandaran yang sedang digunakan atau menambah akaun sandaran baharu.

Mula balik & Ttpkn

Anda boleh menetapkan semula peranti termasuk tetapan rangkaian dan aplikasi.

1 Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Mula balik & Ttpkn**.

2 Sesuaikan tetapan berikut.

- **Mula semula automatik:** Mula semula secara automatik dan optimumkan telefon pada masa tetapan. Ketik  untuk mengaktifkan ciri ini. Peranti akan mula semula secara automatik pada masa tetapan dan mengoptimumkannya. Pilih tarikh dan masa untuk mula semula.



- Anda boleh tetapkan peranti untuk mula semula sendiri seminggu sekali. Peranti akan mula semula secara automatik dalam masa sejam daripada masa praset.
 - Setelah peranti mula semula, pemberitahuan dan lencana dipadamkan. Simpan data penting sebelum praset masa.
 - Ciri mula semula secara automatik tidak diaktifkan dalam situasi berikut: Apabila skrin dihidupkan, apabila skrin sedang digunakan, apabila paras bateri adalah 30% atau kurang, apabila kad USIM dikunci, atau apabila kunci peranti diaktifkan ketika menghidupkan peranti.
- **Set semula seting rangkaian:** Menetap semula tetapan Wi-Fi, Bluetooth dan rangkaian yang lain.
 - **Set semula pilihan aplikasi:** Menetapkan tetapan aplikasi. Data yang tersimpan di dalam aplikasi tidak akan dipadam.
 - **Menetapkan semula data kilang:** Tetapkan semula semua tetapan untuk peranti dan memadam data.



- Mulakan dan tetapkan semula peranti anda memadam semua data di dalamnya. Masukkan nama peranti anda, akaun Google dan maklumat awal yang lain sekali lagi.

Mengenai telefon

Anda boleh melihat maklumat mengenai peranti anda, seperti nama, status, butiran perisian dan maklumat undang-undang.

Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Mengenai telefon** dan melihat maklumat.

Peraturan & Keselamatan

Anda boleh melihat tanda kawal selia atau maklumat berkaitan pada peranti anda.

Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Peraturan & Keselamatan**.

Sokongan

Anda boleh akses Bantuan Segera untuk melihat maklumat tentang telefon anda dengan segera dan mudah.

Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Sokongan**.



05

Lampiran

Tetapan Bahasa LG

Pilih bahasa untuk digunakan pada peranti anda.

- Ketik  > **Tetapan** > **Umum** > **Bahasa & input** > **Bahasa** > **TAMBAH BAHASA**, dan pilih bahasa.
- Sentuh dan tahan  dan seret ke bahagian atas senarai bahasa bagi menetakannya sebagai bahasa lalai.

LG Bridge

Gambaran keseluruhan LG Bridge

LG Bridge adalah sebuah aplikasi yang membantu anda mengurus foto, muzik, video dan dokumen yang disimpan pada telefon pintar LG anda daripada komputer anda dengan mudah. Anda boleh membuat sandaran untuk kenalan, foto dan banyak lagi untuk komputer atau mengemas kini perisian peranti.



- Lihat bantuan LG Bridge untuk butiran lanjut.
- Ciri-ciri yang disokong mungkin berbeza bergantung pada peranti.
- Pemacu USB LG adalah program yang perlu untuk menyambungkan telefon pintar LG anda dengan komputer dan dipasang apabila anda memasang LG Bridge.

Fungsi LG Bridge

- Mengurus fail pada peranti dari komputer melalui sambungan Wi-Fi atau sambungan data mudah alih.
- Sandarkan data dari peranti ke komputer atau memulihkan data dari komputer ke peranti melalui sambungan kabel USB.
- Kemas kini perisian peranti dari komputer melalui sambungan kabel USB.

Memasang LG Bridge pada komputer

- 1 Lawati www.lg.com dari komputer anda.
- 2 Pilih kawasan anda.
- 3 Klik **Sokongan > Software & Firmware**.
- 4 Dalam Perisian & Perisian Tegar, Klik **PC Sync** dan muat turun fail persediaan.

Kemas kini perisian telefon

Kemas kini perisian telefon LG Mudah Alih dari Internet

Untuk maklumat lanjut mengenai menggunakan fungsi ini, sila layari <http://www.lg.com/common/index.jsp>, pilih negara dan bahasa anda.

Ciri ini membolehkan anda untuk dengan mudah mengemas kini perisian tegar pada telefon anda kepada versi yang lebih baharu dari Internet tanpa perlu untuk melawat pusat perkhidmatan. Ciri ini hanya boleh didapati jika dan apabila LG membuat versi perisian tegar yang lebih baharu tersedia untuk peranti anda.

Kerana kemas kini perisian tegar telefon mudah alih memerlukan perhatian penuh pengguna sepanjang tempoh proses kemas kini, sila pastikan anda menyemak semua arahan dan nota yang muncul pada setiap langkah sebelum meneruskan. Sila ambil perhatian bahawa dengan mencabut kabel data USB semasa naik taraf boleh merosakkan telefon mudah alih anda dengan serius.



- LG berhak untuk membuat kemas kini perisian tegar tersedia hanya untuk model terpilih mengikut budi bicara sendiri dan tidak menjamin tersedianya perisian tegar versi lebih baharu bagi semua model telefon bimbit.

Kemas kini perisian Telefon Mudah Alih LG melalui Over-the-Air (OTA)

Ciri ini membolehkan anda untuk dengan mudah mengemas kini perisian telefon anda kepada versi yang lebih baharu melalui OTA, tanpa menyambung kabel data USB. Ciri ini hanya boleh didapati jika dan apabila LG membuat versi perisian tegar yang lebih baharu tersedia untuk peranti anda.

Untuk melaksanakan kemas kini perisian telefon,

Tetapan > Umum > Pusat kemaskini > Kemaskini perisian > Semak sekarang untuk kemas kinian.



- Maklumat peribadi anda dari storan dalaman telefon—termasuk maklumat tentang akaun Google anda dan mana-mana akaun lain, data sistem/aplikasi anda dan tetapan, mana-mana aplikasi yang dimuat turun dan lesen DRM anda—mungkin akan hilang dalam proses mengemas kini perisian telefon anda. Oleh itu, LG mengesyorkan bahawa anda membuat sandaran data peribadi anda sebelum mengemas kini perisian telefon anda. LG tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kehilangan data peribadi.
- Ciri ini bergantung pada kawasan atau penyedia perkhidmatan.

Panduan Antikecurian

Tetapkan peranti anda untuk mengelakkan orang lain daripada menggunakannya jika ia telah ditetapkan semula kepada tetapan kilang tanpa kebenaran anda. Sebagai contoh, jika peranti anda hilang, dicuri, atau dihapuskan, hanya seseorang yang mempunyai akaun atau kunci skrin maklumat Google anda boleh menggunakan peranti tersebut.

Semua yang anda perlukan untuk memastikan peranti anda dilindungi adalah:

- Tetapkan kunci skrin: Jika peranti anda hilang atau dicuri tetapi anda mempunyai satu set kunci skrin, peranti ini tidak boleh dipadamkan dengan menggunakan menu Tetapan melainkan jika skrin anda tidak dikunci.
- Tambah akaun Google pada peranti anda: Jika peranti anda dihapuskan tetapi anda mempunyai akaun Google anda di padanya, peranti ini tidak boleh menyelesaikan proses persediaan sehingga maklumat akaun Google anda dimasukkan sekali lagi.

Selepas peranti anda dilindungi, anda akan perlu sama ada membuka kunci skrin anda atau memasukkan kata laluan akaun Google anda jika anda perlu melakukan tetapan semula kilang. Ini memastikan bahawa anda atau seseorang yang anda percayai melakukan tetapan semula.



- Jangan lupa akaun Google anda dan kata laluan yang anda telah tambah ke peranti anda sebelum melakukan tetapan semula kilang. Jika anda tidak boleh memberikan maklumat akaun semasa proses persediaan, anda langsung tidak akan dapat menggunakan peranti ini selepas melakukan tetapan semula kilang.

Maklumat Notis Perisian Sumber Terbuka

Untuk mendapatkan kod sumber di bawah GPL, LGPL, MPL dan lesen sumber terbuka lain yang terkandung dalam produk ini, sila lawati <http://opensource.lge.com>.

Selain kod sumber, semua terma lesen yang dirujuk, penafian waranti dan notis hak cipta tersedia untuk dimuat turun.

LG Electronics juga akan memberikan kod sumber terbuka kepada anda dalam CD-ROM dengan bayaran yang termasuk membiayai kos pengedaran (seperti kos media, pengiriman dan pengendalian) apabila menerima permintaan e-mel yang dikirimkan kepada opensource@lge.com.

Tawaran ini sah untuk tempoh tiga tahun selepas penghantaran terakhir produk ini oleh kami. Tawaran ini sah kepada sesiapa sahaja dalam penerimaan maklumat ini.

Maklumat Peraturan (ID nombor peraturan, E-label, dsb.)

Untuk maklumat peraturan, pergi ke **Tetapan > Umum > Peraturan & Keselamatan**.

Tanda dagangan

- Bagi paten DTS, lihat <http://patents.dts.com>. Dikeluarkan di bawah lesen daripada DTS Licensing Limited. DTS, Symbol, & DTS dan Symbol bersama, DTS:X, dan DTS:X adalah tanda dagang berdaftar atau tanda dagang DTS, Inc. di Amerika Syarikat dan/atau negara lain. © DTS, Inc. Hak Cipta Terpelihara.



- Hak Cipta© 2018 LG Electronics, Inc. Hak cipta terpelihara. LG dan logo LG adalah tanda dagang berdaftar Kumpulan LG dan entiti yang berkaitan dengannya.
- G7+ ThinQ merupakan tanda dagang bagi LG Electronics, Inc.
- Google, Google Maps, Gmail, YouTube, Google Duo, Google Play, Android, Chrome, Google Photos, Google Play Protect, Google Calendar, Google Docs, Google Drive, Google Sheets dan tanda serta logo lain yang berkaitan merupakan tanda dagang Google LLC.
- Bluetooth® adalah tanda dagangan berdaftar Bluetooth SIG, Inc. sedunia.
- Wi-Fi® dan logo Wi-Fi adalah tanda dagangan berdaftar Wi-Fi Alliance.
- Semua tanda dagangan dan hak cipta lain adalah harta pemilik masing-masing.


Pernyataan keselamatan laser

Awas!

Produk ini menggunakan sistem Laser. Untuk memastikan cara penggunaan yang betul bagi produk ini, sila baca manual pemilik ini dengan teliti dan simpan untuk rujukan masa depan. Jika unit tersebut memerlukan penyelenggaraan, hubungi pusat khidmat yang sah.

Pengguna kawalan, pelarasan, atau prestasi prosedur selain daripada yang dinyatakan di dalam ini boleh menyebabkan pendedahan sinaran berbahaya.

Untuk mengelakkan pendedahan langsung kepada alur laser, jangan cuba untuk membuka kepungan atau membuat hubungan secara langsung dengan laser.



PENGISYTIHARAN PEMATUHAN

Dengan ini, **LG Electronics** mengisytiharkan bahawa produk **LM-G710EAW** ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan lain yang berkaitan dalam Arahan **2014/53/EU**.

Salinan Perisytiharan Pematuhan boleh didapati di
<http://www.lg.com/global/declaration>

Maklumat lanjut

Bahagian kaca terbaja

Bahagian kaca terbaja peranti ini tidak kekal dan ia boleh menjadi haus dari masa ke masa.

- Jika peranti anda jatuh di atas permukaan yang keras atau tertakluk kepada impak yang teruk, kaca terbaja mungkin telah rosak.
Jika ini berlaku, berhenti menggunakan peranti anda dengan segera dan hubungi Pusat Khidmat Pelanggan LG.
- Anda boleh membeli sarung perlindungan untuk melindungi peranti anda daripada kerosakan di pasaran.
Ambil perhatian bahawa sarung-sarung pelindung tidak dilindungi di bawah jaminan perkhidmatan yang disediakan oleh LG Electronics dan keselamatan adalah tidak dijamin.

Nisbah aspek

Peranti ini menggunakan nisbah aspek 19.5:9.

- Sesetengah aplikasi yang dimuat turun mungkin tidak menyokong nisbah aspek 19.5:9.
Dalam kes ini, pilih nisbah skrin yang paling optimum untuk aplikasi atau rujuk penyedia aplikasi untuk maklumat lanjut.

Panduan pemindahan data

- Untuk data yang boleh ditukar antara peranti LG atau antara peranti LG dan peranti pihak ketiga, lihat jadual berikut.

Jenis	Butiran item	Peranti LG → Peranti LG	Peranti Android pihak ketiga → Peranti LG	Peranti iOS → Peranti LG
Data peribadi	Kenalan, mesej, log dail, kalendar, rakaman suara	○	○	○
	Memo	○	X	○
	Penggera	○	X	X
Data Media	Foto, video, lagu, dokumen	○	○	○
Tetapan skrin	Tetapan skrin utama (folder dan widget)	○	X	X
	Tetapan skrin kunci (tidak termasuk tetapan kunci skrin)	○	X	X
Aplikasi	Aplikasi dimuat turun	○	○	-
	Data peribadi aplikasi yang dimuat turun	○	X	
Lain-lain	Sijil awam	○	○	X
	Tetapan (Wi-Fi, Bluetooth, Panggilan, bunyi & pemberitahuan, kebolehcapaian, bateri)	○	X	X



- Sesetengah data tidak boleh dihantar bergantung pada versi perisian, versi aplikasi, sistem operasi, pengeluaran atau dasar penyedia perkhidmatan.

SOALAN LAZIM

Bab ini menyenaraikan beberapa masalah yang mungkin anda hadapi semasa menggunakan peranti anda. Sesetengah masalah memerlukan anda untuk menghubungi penyedia perkhidmatan anda, tetapi kebanyakannya mudah untuk anda memperbaiki sendiri.

Peranti panas lampau

Peranti panas lampau ketika digunakan.

Bagi kes berikut, penggunaan bateri meningkat dan peranti mungkin terlalu panas:

- Apabila anda menghidupkan peranti untuk kali pertama atau sandarkan data
- Apabila beberapa aplikasi berjalan serentak
 - Apabila beberapa aplikasi berjalan dalam latar belakang
 - Apabila memuat turun fail besar semasa membuat panggilan video atau merakam video
- Apabila menggunakan ciri yang memerlukan kuasa tinggi
 - Apabila menonton penstriman video di Internet atau merakam video panjang
 - Apabila bermain permainan atasan untuk masa yang lama
 - Apabila menggunakan peranti dengan kecerahan skrin maksimum untuk masa yang lama
- Apabila menggunakan terlalu banyak data mudah alih
 - Apabila menggunakan hotspot Wi-Fi atau penambatan
 - Apabila menyejajarkan data untuk berbilang akaun serentak

- Kes lain
 - Apabila perayauan di luar negara
 - Apabila menggunakan peranti di kawasan yang mempunyai isyarat lemah atau tiada penerimaan
 - Apabila mengecas peranti dengan port pengecas / kabel USB yang rosak atau tercemar dengan bahan asing



- Beberapa kes di atas tidak boleh digunakan bergantung pada ciri dan aplikasinya.

Peranti panas lampau semasa mengecas.

- Peranti dan pengecas mungkin menjadi panas semasa mengecas. Semasa pengecasan tanpa wayar atau pengecasan pantas, peranti mungkin menjadi lebih panas. Sekiranya suhu bateri meningkat atas tahap tertentu, peranti mungkin berhenti mengecas.
 - Nyahsambung pengecas daripada peranti dan tutup sebarang aplikasi yang sedang berjalan. Biarkan peranti menyejuk sebelum mengecas peranti atau menjalankan aplikasi semula.
 - Hentikan pengecasan jika port pengecas / kabel USB di bahagian bawah peranti terlalu panas dan kunjungi Pusat Khidmat Pelanggan LG terdekat.

Bagaimana untuk menyelesaikan panas lampau peranti

- Tutup sebarang aplikasi atau ciri yang sedang berjalan dan biarkan peranti menyejuk.
- Sentiasa kemas kini perisian kepada versi terkini.
- Matikan Wi-Fi, Bluetooth atau ciri GPS jika tidak menggunakannya.
- Tutup aplikasi yang anda tidak gunakan.
- Jika anda menggunakan peranti dengan kecerahan skrin maksimum, kurangkan kecerahan.
- Jika peranti panas lampau untuk tempoh yang berpanjangan, hentikan penggunaannya untuk seketika. Jika peranti berterusan mengalami panas lampau, kunjungi Pusat Khidmat Pelanggan LG.

Had penggunaan apabila peranti panas lampau

Jika peranti panas lampau semasa menggunakan atau mengecas, beberapa ciri, aplikasi atau bahkan peranti mungkin dimatikan.

Ini adalah operasi normal untuk peranti yang menyokong ciri ini.

- Jika suhu peranti meningkat atas tahap tertentu, mesej amaran muncul.
 - Jika anda memainkan permainan atasan, merakam video atau memuat naik fail besar, peranti mungkin panas lampau untuk tempoh yang berpanjangan. Dalam kes ini, mesej amaran mungkin muncul untuk memberitahu penutupan automatik.
Matikan peranti atau tutup sebarang aplikasi atau ciri yang sedang berjalan dan biarkan peranti menyejuk.
- Kecerahan skrin dan kelajuan operasi mungkin terhad untuk menyejukkan peranti. Sebarang aplikasi atau ciri yang berjalan mungkin menjadi lambat atau berhenti. Peranti mungkin akan berhenti mengecas.

Ralat kad SIM

Pastikan bahawa kad SIM dimasukkan dengan betul.

Tiada sambungan rangkaian atau rangkaian tergendala

Isyarat lemah. Bergerak ke arah tingkap atau ruang terbuka.

Anda berada di luar kawasan rangkaian pembawa. Alih dan semak rangkaian.

Panggilan tidak tersedia

Rangkaian baharu tidak dibenarkan.

Pastikan anda tidak menetapkan sekatan panggilan untuk nombor panggilan masuk.

Pastikan anda tidak menetapkan sekatan panggilan untuk nombor yang anda dail.

Peranti tidak boleh dihidupkan

Apabila bateri benar-benar habis, peranti anda tidak akan dihidupkan.

Cas bateri sepenuhnya sebelum menghidupkan peranti.

Ralat mengecas

Pastikan peranti dicaskan pada suhu yang normal.

Periksa pengecas dan sambungannya ke peranti.

Hanya gunakan aksesori di dalam kotak yang dibenarkan oleh LG.

Bateri kehabisan kuasa lebih cepat berbanding daripada masa awal dibeli

Apabila anda mendedahkan peranti atau bateri kepada suhu yang sejuk atau panas, hayat bateri mungkin berkurangan.

Penggunaan bateri akan meningkat apabila anda menggunakan ciri atau aplikasi tertentu, seperti GPS, permainan atau Internet.

Bateri boleh kehabisan kuasa dan lama-kelamaan hayat bateri akan semakin pendek.

Mesej ralat muncul apabila melancarkan kamera

Cas bateri.

Kosongkan memori dengan memindahkan fail ke komputer atau memadamkan fail daripada peranti anda.

Mulakan semula peranti.

Jika anda masih menghadapi masalah dengan aplikasi kamera selepas mencuba petua ini, hubungi Pusat Perkhidmatan LG Electronics.

Kualiti foto tidak baik

Kualiti foto anda mungkin berbeza-beza bergantung pada persekitaran dan teknik fotografi yang anda gunakan.

Jika anda mengambil foto dan video, kualiti sudut standard lebih baik daripada sudut luas.

Jika anda mengambil gambar di kawasan gelap, pada waktu malam atau di dalam bangunan, hingar imej mungkin berlaku atau fokus imej mungkin tidak tepat.

Jika anda menghadapi sebarang masalah, tetapkan semula pilihan.

Skrin sentuh memberikan respons dengan perlahan atau tidak betul

Jika anda melampirkan pelindung skrin atau aksesori pilihan pada skrin sentuh, skrin sentuh mungkin tidak berfungsi dengan betul.

Jika anda memakai sarung tangan, tangan anda kotor semasa menyentuh skrin sentuh atau anda mengetik skrin dengan objek yang tajam atau hujung jari anda, skrin sentuh mungkin malfungsi.

Skrin sentuh mungkin malfungsi dalam keadaan lembap atau apabila terdedah kepada air.

Mulakan semula peranti anda untuk mengosongkan sebarang pepijat perisian sementara.

Jika skrin sentuh tercalar atau rosak, lawati Pusat Perkhidmatan LG Electronics.

Tergantung atau kaku

Mulakan semula peranti

- Jika peranti anda kaku atau tergantung, anda mungkin perlu menutup aplikasi atau mematikan peranti kemudian menghidupkannya sekali lagi.

Menjalankan but

- Tetapan semula lembut boleh digunakan untuk menetapkan semula peranti jika skrin kaku atau butang, skrin sentuh atau peranti tidak lagi memberikan respons.
- Untuk menjalankan tetapan semula lembut peranti anda, hanya tekan & tahan kekunci Kelantangan Ke Bawah dan Kuasa sehingga peranti dimulakan semula.

Tetapkan semula peranti

- Jika kaedah di atas tidak menyelesaikan masalah anda, lakukan penetapan semula data kilang.
- Pada skrin tetapan, ketik **Umum > Mula & tetap semula > Tetapkan semula data kilang**.
 - Kaedah ini menetapkan semula semua tetapan untuk peranti dan memadam data. Sebelum menjalankan tetap semula data kilang, jangan lupa untuk membuat salinan sandaran semua data penting yang disimpan dalam peranti.
 - Jika anda mendaftar akaun Google pada peranti, anda perlu log masuk ke akaun Google yang sama selepas menetapkan semula peranti.

Peranti Bluetooth tidak ditemui

Pastikan ciri tanpa wayar Bluetooth diaktifkan pada peranti anda.

Pastikan ciri tanpa wayar Bluetooth diaktifkan pada peranti yang anda ingin sambungkan.

Pastikan peranti anda dan peranti Bluetooth yang lain berada dalam jarak maksimum Bluetooth (10 m).

Jika petua di atas tidak menyelesaikan masalah anda, hubungi Pusat Perkhidmatan LG Electronics.

Sambungan anda tidak diwujudkan apabila anda menyambung peranti ke komputer

Pastikan kabel USB yang anda gunakan adalah serasi dengan peranti anda.

Pastikan pemacu yang betul dipasang dan dikemas kini pada komputer anda.

Aplikasi yang dimuat turun menyebabkan banyak ralat

Aplikasi mempunyai masalah.

Buang dan pasang semula aplikasi.

